

# SAUDERA



WADAH MENGEMLANGKAN MINDA THE NAVY PEOPLE

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL 03/2014 ISSN 0127-6700

## APSC 2014 Iktiraf Profesionalisme AKAS TLDM



**PTL Dinobat Chartered Fellow**

**Penembakan Misil Bersepadu  
TLDM dan TUDM di  
Laut China Selatan**

**Taksub Kapal Perang  
Asnizam Rela  
Bersengkang Mata**

# KANDUNGAN

- |           |  |           |  |
|-----------|--|-----------|--|
| <b>6</b>  | <b>HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> - 8 <sup>th</sup> ASEAN Navy Chief's Meeting        | <b>31</b> | <b>BAKAT</b> - Tahsinul Ibadah   |
| <b>13</b> | <b>KESIAGAAAN</b> - Common Hazards Onboard Ship                                  | <b>34</b> | <b>TINTA ROHANI</b> - Gebang-Gebang Keluarga Bahagia Bersama Ustaz Kazim Elias |
| <b>18</b> | <b>ISU MARITIM</b> - Pencerobohan Nelayan Asing Di Perairan Semenanjung Malaysia | <b>36</b> | <b>SUKAN</b> - Bola Jaring Johan Lagi  |
| <b>19</b> | <b>KEBANGGAAN</b> - PTL Dinobat Ahli Chartered Fellow                            | <b>38</b> | <b>INFO</b> - Teknologi Maklumat - Kenapa Disalah guna?                        |
| <b>23</b> | <b>MODAL INSAN</b> - Keupayaan KDSI Koordinasi Summer Camp                       | <b>41</b> | <b>BUDAYA KECEMERLANGAN</b> - Pick Up, PDCA and Managing Workforce             |
| <b>27</b> | <b>PERSONALITI</b> - Taksuh Kapal Perang - Asnizam Rela Bersengkang Mata         | <b>47</b> | <b>BERITA BERGAMBAR</b> - Perarakan Hari Kebangsaan                            |



- 7**    **17** Penembakan Misil Bersepadu TLDM dan TUDM di Laut China Selatan



## DARI MEJA KETUA EDITOR



### Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan salam perkenalan kepada semua pembaca Majalah SAMUDERA yang setia menanti penerbitan pada kali ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut hari kemerdekaan ke-57 dan diharap sambutan kemerdekaan pada kali ini disambut dengan penuh bermakna.

Untuk sekian kalinya, Majalah SAMUDERA telah diterbitkan oleh Cawangan Pengurusan Publikasi (CPP) dari Bahagian Pengurusan Strategik (BPS) yang mana sebelum ini diuruskan oleh Bahagian Operasi dan Eksesais (OPEKS). Idea penubuhan CPP ini telah dicetuskan sendiri oleh Panglima Tentera Laut pada akhir tahun 2013 dan penubuhan cawangan ini dapat direalisasikan pada 16 Apr 14 seterusnya mengambil alih tugas penerbitan Majalah SAMUDERA. Selain itu, tugas CPP ini juga mengkoordinasikan Buletin The QUEEN, menguruskan pertandingan penulisan esei peringkat TLDM dan luaran, mengkoordinasikan penyediaan Laporan Tahunan TLDM, ATM dan KEMENATAH, mengkoordinasikan penulisan dan penerbitan Publikasi dan Buku Rujukan.

Penubuhan CPP ini dijangka dapat menghasilkan majalah/buletin yang lebih berkualiti dan sistematik seiring dengan Visi dan Misi TLDM dalam pelaksanaan PS 1320. Diharap juga pembaca dapat memberikan pandangan sama ada positif ataupun sebaliknya mahupun memberi cadangan untuk penambahbaikan dengan menghantar borang maklum balas majalah SAMUDERA agar Sidang Redaksi dapat mendengar denyut nadi para pembaca seterusnya memantapkan lagi keluaran akan datang.

Paparan pada kali ini menyentuh tentang kejayaan TLDM menganjurkan 5th Rimland Pacific Superintendents' Conference (RPSC) yang dianjurkan di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur dari 16-19 Jun 14 yang bertemakan "Blending Academic, Naval Professional and Leadership Training to Meet the Challenges of the 21st Century". Kejayaan pengendalian persidangan ini sebagai satu bukti TLDM mampu melaksanakan acara di peringkat antarabangsa bagi mendokong dan Visi TLDM iaitu Menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia.

Kes kehilangan MH 370 masih belum reda, masyarakat dunia dikejutkan lagi dengan tragedi yang begitu dahsyat buat kali kedua melibatkan negara Malaysia umumnya dan Malaysia Airlines (MAS) amnya apabila pesawat MH17 terhempas di Ukraine (Sempadan Rusia). Keadaan ini cukup tragis dengan melihat keadaan bangkai kapal terbang MH17 ditambah dengan situasi begitu banyak mayat bergelimpangan di lokasi kejadian.

Sesuai dengan edisi pada kali ini, SAMUDERA akan terus melangkah ke hadapan dengan sedikit perubahan melalui rekabentuk dan konsep baharu. Semoga edisi kali ini dapat memberi manfaat dan paparan yang berfaedah serta berguna untuk dikongsi bersama.

Harapan dari sidang redaksi agar semua paparan keluaran kali ini dapat menghilangkan kerinduan pembaca SAMUDERA dan akan terus menjadi pemangkin kepada the Navy People untuk berkongsi maklumat dalam mencetus idea-idea baharu. Sekian, salam hormat dari Sidang Redaksi Majalah Samudera. Semoga TLDM akan sentiasa dirahmati oleh tuhan.



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Laksamana Madya Dato' Seri Panglima  
Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin

### KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Ganesh a/l Navaratnam

### EDITOR

Kept Ahmad Syed Hilmi bin Syed Abdullah TLDM  
Lt Kdr Saharudin bin Bongsu TLDM  
Lt Kdr Chuah Lewkern TLDM  
Lt Kdr Abdul Hadi bin Mohd Kasim TLDM  
Lt Mohamed Muzaffar Shah bin Raja Mohamed TLDM  
PW II PRL Normahaily binti Mohd Nor  
LK PNK Ahmad Alphanizam bin Ahmad Tamrad

### WAKIL MARKAS TENTERA LAUT

Lt Siti Salina binti Johari TLDM  
Lt Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM

### WAKIL MARKAS PEMERINTAHAN ARMADA

Lt Kdr Noorlida binti Rahaman TLDM

### WAKIL MARKAS PEMERINTAHAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TLDM

Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM

### WAKIL MAWILLA 1

Lt Devendra a/l Govindarajoo TLDM

### WAKIL MAWILLA 2

Lt Mohamad Sidiq bin Mohamad Arif TLDM

### WAKIL MAWILLA 3

Lt Muhammad Firdaus bin Ahmad Darwis TLDM

### REKABENTUK

MIHAS GRAFIK SDN BHD  
No.9, Jalan SR4/19 Taman Serdang Raya  
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

SAMUDERA diterbitkan sebanyak 3 kali setahun oleh Markas Tentera Laut dan diedarkan secara percuma. SAMUDERA mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya yang beroreantasikan 'Wadah Mengembangkan Minda the Navy People'.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Sidang Redaksi Majalah Samudera  
Bahagian Pengurusan Strategik  
Markas Tentera Laut  
Wisma Pertahanan Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-20713041  
Faks: 03-26929407



# APSC 2014 – Iktiraf Profesionalisme AKAS TLDM

Oleh: : Lt Muhammad Danial bin Mohamad Rahim TLDM

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) buat julung kalinya diberi penghormatan sebagai penganjur Asia Pacific Submarine Conference (APSC) 2014 di Hotel Pacific Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu bermula 8 sehingga 11 September 2014. Persidangan ini dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar pada 9 September.

Persidangan kali ke-14 yang berlangsung selama tiga hari ini dihadiri wakil-wakil tentera laut dari 19 negara yang mengoperasikan kapal selam dan negara berkepentingan di rantau Asia Pasifik. Sebuah pertubuhan antarabangsa iaitu International Submarine Escape and Rescue Liaison Office (ISMERLO) juga turut hadir ke persidangan ini. Persidangan kali ini melibatkan penyertaan seramai 61 peserta dari dalam dan luar negara. Ia turut disertai wakil-wakil dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kor Kesihatan Diraja (KKD) dan Agensi Pengawalaan Maritim Malaysia (APMM) yang juga terlibat dalam operasi mencari dan menyelamat. Negara yang menghadiri persidangan kali ini ialah Amerika Syarikat, Australia, Bangladesh, Brunei, Chile, China, Ecuador, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Pakistan, Perancis, Peru, Singapura, Thailand, United Kingdom dan Vietnam.

Tujuan persidangan ini ialah untuk mengumpul dan mewujudkan jaringan komunikasi semua negara pengendali kapal selam, negara dan organisasi berkepentingan bagi mengkoordinasikan proses dan usaha menyelamat kapal selam. Persidangan yang bertemakan ‘Enhancing Interoperability for Safety’ ini mengetengahkan isu-isu kontemporari di kalangan peserta dalam membincangkan aspek keselamatan terkini pengoperasian kapal selam. Turut dibincangkan prosedur Submarine Escape and Rescue (SMER) dan status kesiagaan sistem serta peralatan SMER yang dimiliki oleh negara-negara terlibat.

Sebanyak 17 persembahan slaid telah dibentangkan oleh negara-negara peserta termasuk Malaysia. TLDM telah memberikan dua persembahan bertajuk Royal Malaysian Navy Approach to SMER yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah KD TUNKU ABDUL RAHMAN, Kdr Kamarulzaman Zainul Akmar TLDM dan MEGA BAKTI & SMER Intervention Capability yang disampaikan oleh Target Resources Sdn Bhd (TRSB) SMER-I Senior Manager, Kept (B) Abd Malek Hj Md Daud TLDM.



Secara ringkas, penganjuran APSC 2014 dimulakan dengan sesi *Ice Breaking* pada hari pertama. Pada hari kedua, persidangan bermula dengan 12 persembahan slaid yang dibentangkan oleh lapan buah negara pengoperasi kapal selam iaitu Malaysia, Perancis, Australia, China, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jepun dan Britain. Persembahan slaid pada hari tersebut dimulakan oleh TLDM dan diakhiri oleh wakil dari TRS.

Majlis makan malam rasmi sempena APSC 2014 turut dilaksanakan bagi meraikan para peserta dan dihoskan sendiri oleh YBhg PTL. Keesokan harinya pada 10 Sep 14, semua peserta telah dibawa melawat ke Pusat Latihan Kapal Selam (PLKS), Submarine Conditioning Facilities (SCF) dan kapal MEGA BAKTI yang merapat di Jeti Operasi Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK). Para delegasi turut berasa kagum dengan kemudahan dan kelengkapan yang dimiliki AKAS TLDM walaupun baru memasuki tahun ke-6 pengoperasian kapal selam. Pada sebelah petangnya pula, baki lima persembahan slaid dibentangkan oleh wakil dari negara Ecuador, Perancis, Amerika Syarikat dan organisasi ISMERLO diikuti dengan Majlis Penutupan yang disempurnakan oleh Panglima Wilayah Laut 2, YBhg Laksamana Muda Dato' Pahlawan Mohammad Rosland Omar.

APSC 2014 telah melabuhkan tirainya dengan program terakhir lawatan kebudayaan ke Mari-Mari Cultural Village. Perkampungan Budaya tersebut terletak hanya 25 minit dari Bandaraya Kota Kinabalu dan merupakan kawasan tarikan perlancongan yang mempamerkan kepelbagaiannya dan keunikan budaya pelbagai etnik di Sabah. Secara tidak langsung, TLDM telah menggunakan peluang penganjuran APSC 2014 ini untuk mempromosi Tahun Melawat Malaysia 2014.

Persidangan yang julung kali dianjurkan oleh TLDM ini merupakan satu penghormatan kepada negara walaupun TLDM masih baharu dalam pengoperasian kapal selam. Penganjuran persidangan ini bukan sahaja pengiktirafan terhadap keupayaan TLDM menganjurkan persidangan di peringkat antarabangsa malah ia turut mengiktiraf tahap profesionalisme warga TLDM khususnya warga Angkatan Kapal Selam (AKAS) TLDM.

APSC 2014 ini telah memberi ruang kepada AKAS TLDM berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam aspek SMER dengan negara peserta dan dalam masa yang sama dapat membantu TLDM untuk merancang dan membangunkan aset SMER yang bersesuaian bagi mendokong pengoperasian kapal selam TLDM. Secara amnya, penganjuran APSC 2014 telah meningkatkan keyakinan TLDM khasnya dan AKAS TLDM amnya dalam mengendalikan operasi mencari dan menyelamat kapal selam.

Secara keseluruhannya, APSC 2014 telah dapat dilaksanakan dengan jayanya sebagaimana yang dirancang. Sebahagian besar delegasi telah menyatakan kegembiraan mereka dan amat berpuas hati dengan penganjuran persidangan begitu juga layanan mesra yang diberikan sepanjang persidangan. Tidak kurang pula yang menyatakan bahawa ini merupakan persidangan APSC terbaik yang pernah mereka hadiri dan mengucapkan tahniah kepada TLDM atas kejayaan penganjuran ini.

# KUNJUNGAN HORMAT

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MkTL / PR MkTL

**T**LDM sentiasa mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan tentera laut negara luar bagi memberi impak positif terutama dalam memelihara kerjasama serantau dari segi aspek keselamatan maritim serta mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Antara formula terbaik bagi memastikan kerukunan dan keamanan terus terpelihara, kunjungan hormat di antara kedua-dua pucuk pimpinan tertinggi turut diadakan bersempena lawatan rasmi delegasi luar negara sebagai medan interaksi dua hala yang secara langsung dapat menyumbang ke arah menentukan keamanan, kestabilan dan keselamatan serantau.



12 Mei 14 - Panglima Tentera Laut Australia,  
Vice Admiral Ray Griggs



18 Mei 14 - Commander US Seventh Fleet, Vice Admiral  
Robert L. Thomas.



9 Jun 14 - Chief of Staff, Japan Maritime Self Defence Force  
(JMSDF), Admiral Katsutoshi Kawano.



10 Jun 14 – Commander U.S Pacific Fleet, Admiral Harry  
B. Harris, JR.



11 Jun 14 - Chief of Royal New Zealand Navy Rear  
Admiral Jack Steer OMNZ.,



9 Jul 14 - Chief of The Republic of Singapore Navy, Rear  
Admiral Ng Chee Peng.



# 8<sup>th</sup> ASEAN Navy Chiefs' Meeting, Bangkok

Oleh: Cawangan Operasi dan Eksesais TLDM

Panglima Tentera Laut, YBhg Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar telah menghadiri ASEAN Navy Chiefs' Meeting (ANCM) Ke-8 di Bangkok Thailand pada 26 hingga 28 Ogos lalu. ANCM diadakan setahun sekali dan pada tahun ini ia telah dirasmikan oleh Jeneral Thanasak Patimaprakon, Panglima Angkatan Tentera Diraja Thailand dan dihadiri oleh Panglima Tentera Laut negara ASEAN.

PTL turut diiringi Asisten Ketua Staf Pentadbiran, Laksamana Pertama Azhari Abdul Aziz dan Pegawai Staf 1 Undang-undang Maritim, Kdr Shaiful Nizam Abdul Manan TLDM.

Antara agenda yang dibawa oleh TLDM adalah cadangan bagi menjemput negara luar ASEAN untuk menyertai ANCM Plus dan penubuhan Naval Expert Working Group (NEWG) bagi membincang dan menyelaras aktiviti tentera laut negara ASEAN. Mesyuarat juga turut membincangkan hala tuju tentera laut negara ASEAN selepas tahun 2015 sempena ASEAN Political Security Community (APSC).

Persidangan tersebut telah berlangsung dengan jayanya dan diadakan dalam suasana harmoni seiring dengan semangat ASEAN. Myanmar akan menjadi tuan rumah bagi ANCM Ke-9 pada tahun 2015.



5<sup>th</sup> RPSC – TLDM Hos

# Persidangan Antarabangsa

Oleh: Lt Kdr Rahimah binti Taib TLDM Foto: PR MPPL



TLDM sekali lagi telah diberi penghormatan sebagai tuan rumah persidangan yang dihadiri oleh tentera laut negara asing, 5th Rimland Pacific Superintendents' Conference (PRSC) di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur dari 16 hingga 19 Jun 14.

Persidangan kali ke-5 ini disertai 10 buah negara iaitu Amerika Syarikat, Filipina, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Singapura serta tiga negara baharu iaitu New Zealand, Vietnam dan Rusia. Ia melibatkan 26 peserta yang terlibat secara langsung dalam latihan pegawai tentera laut negara masing-masing dan Malaysia diwakili Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM).

Dengan tema *Blending Academic, Naval Professional and Leadership Training to Meet the Challenges of the 21st Century*, persidangan dibuka dengan rasminya oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar pada 17 Jun bertempat di The View @ Chulan, hotel yang sama. Persidangan sebelumnya telah diadakan dengan jayanya di National Defence Academy, Yokosuka, Jepun pada tahun 2011.

Dalam ucapan perasmian, Panglima Tentera Laut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua negara yang menghadiri persidangan tersebut. Menurut beliau, TLDM amat berbesar hati kerana terpilih sebagai penganjur bagi persidangan kali ini dan amat berharap agar objektif utama persidangan iaitu untuk memantapkan kerjasama antara





negara-negara Pasifik di samping berkongsi maklumat, pengalaman dan idea dalam usaha melahirkan pegawai Tentera Laut yang berkualiti dan kompeten di masa hadapan dapat dicapai dengan jayanya.

Sebanyak 10 kertas kerja telah dibentangkan sepanjang persidangan:

- Malaysia – *Transformation in Naval Leadership and Professional Module to meet the Challenges in the 21st Century - The RMN Perspective* - Kept Roslan Mohd Yunus TLDM.
- Japan – *Leadership Education at the National Defense Academy of Japan* - RAdm Hiroshi Ito.
- Indonesia – *The Indonesian Naval Academy's Effort in Developing Professional and Adaptive Leaders Towards the 21st Century Challenges* - Lt Cdr I Gede Putu Iwan.
- Republic of Korea – *ROKNA Education System: Responding to the Challenges of the 21st Century* - Capt Choi Jong Ho.
- USA – *Developing Naval Leaders with an Integrated Approach* - Mr Tim Disher.
- Singapore – *RSN Leadership Development* - Col Irvin Lim RSN.
- New Zealand – *RNZN Simulation in Perspective* - Cdr Clive Holmes RZNZ.
- Russia – *Training of Officers in the Russian Navy* - Admiral Nikolay Maksimov.
- Philippines - *Blending Academic, Naval Professional and Leadership Training to Meet the Challenges of the 21st Century* - Cdr Junjie Tabuada.
- Vietnam - *Blending Academic, Naval Professional and Leadership Training of Officers at the Vietnamese Naval Academy to Meet the Challenges of the 21st Century* - Senior Captain Dang Thang Binh.

Kejayaan pengendalian persidangan ini membuktikan bahawa TLDM mampu melaksanakan acara di peringkat antarabangsa bagi mendokong Visi TLDM iaitu Menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia.



## HUBUNGAN ANTARABANGSA



Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MktL Foto: PR MAB


Eksesais Malaysia-Amerika Amfibia atau Malaysia-United States Amphibious Exercise 2014 (MALUS AMPHEX 14) telah dilaksanakan di Pantai Kampung Tanduo kira-kira 150km dari Lahad Datu mulai 26 Ogos hingga 2 September 2014.

Eks MALUS AMPHEX 14 merupakan satu eksesais bersama yang bertemakan latihan amfibi dan *humanitarian civic action* oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan 11th Marine Expeditionary Unit (11th MEU) dari United States Armed Forces. Eksesais ini turut melibatkan 500 anggota ATM serta 285 anggota Tentera Amerika Syarikat.

Dengan konsep *staff exercise* (staffex), *Force Integration Training* (FIT) dan FTX, eksesais julung kali diadakan ini bertujuan mengukuhkan keupayaan saling khidmat antara ATM dan USF dalam suasana operasi gabungan dan bersama dengan memperbaharui komitmen masing-masing untuk menjamin wujudnya keamanan, kestabilan dan keselamatan jangka panjang di Malaysia, khususnya di Timur Sabah.

Tanduo merupakan tempat pendaratan pengganas Sulu awal tahun lalu. Kehadiran tentera Amerika di luar pantai timur Sabah amat bertepatan dengan dasar ATM untuk menjalin kerjasama dengan pasukan kepolisan dari negara sahabat berikutan kejadian rentas sempadan yang kerap berlaku di perairan Malaysia kebelakangan ini.

Kerjasama Malaysia-Amerika ini adalah seiring komitmen ATM untuk membasmi ancaman yang melanda bahagian timur negara sejak beberapa dekad lalu. Ia secara tidak langsung membantu menyumbang kepada kesejahteraan dan keselamatan wilayah Malaysia Timur. Walaupun bukan berskala besar, namun ia merupakan satu platform baik untuk dimanfaatkan supaya ia mencapai kesan positif dalam mempertahankan negeri Sabah.





# Eks CARAT

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MkTL Foto: PR MAB

**E**ksesais Kerjasama Kesiagaan dan Latihan (Eks CARAT) 2014 yang dilaksanakan pada 16 hingga 23 Jun di Pangkalan TLDM Lumut menyaksikan penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Tentera Laut Amerika Syarikat (USN) dan dibuka secara rasmi oleh Panglima Armada TLDM ketika itu, Laksamana Madya Datuk Abd. Hadi A. Rashid di Auditorium Zain, Pangkalan TLDM Lumut.

Seramai 1,000 anggota ATM dan USN menyertai eksesais yang merupakan latihan tahunan dua hala antara ATM dan USN yang dipersetujui di bawah Program Perjanjian Latihan Bersama Malaysia dan Amerika.

Eksesais yang memasuki edisi ke-20 ini melibatkan kawasan sekitar Lumut, Manjung dan Perairan Selat Melaka di mana ia meliputi latihan medan dan pos pemerintah.

CARAT 2014 dilaksanakan bertujuan meningkatkan keupayaan dan saling khidmat dalam perancangan dan pelaksanaan operasi bersama dan gabungan di antara kedua-dua pasukan angkatan tentera dan dalam masa yang sama ia dapat meningkatkan hubungan baik antara ATM dan USN melalui simposium perubatan, operasi ketenteraan dan maritim serta eksesais menyelamat selain program khidmat masyarakat.



## 6<sup>th</sup> WPNS SELWG

# Interaksi Profesional LLP Terkanan Asia Pasifik

Oleh: PW II PRL Normahaily Foto: PR MKTL



*W*estern Pacific Naval Symposium Senior Enlisted Leaders Working Group (WPNS SELWG) 2014 telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur bermula 19 hingga 21 Ogos 2014. Upacara Perasmian Pembukaan disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar.

Persidangan kali Ke-6 ini disertai 15 negara yang berkepentingan di Lautan Pasifik dan laluan-laluan penting perkapalan Selat Melaka dan Selat Singapura termasuk dua negara pemerhati.

Dengan tema 'Inovasi Ke arah Kecemerlangan' (Innovation Towards Excellence), 6th WPNS SELWG 2014 mengetengahkan isu-isu kontemporari di kalangan tentera laut rantau ini dalam mengeratkan kerjasama profesional di peringkat antarabangsa. Acara ini juga telah mencatat sejarah kerana pertama kali dianjurkan oleh tentera laut ASEAN serta dipengerusikan oleh seorang Pegawai Waran. Secara langsung, persidangan ini memberi pendedahan kepada pemimpin kanan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) untuk berinteraksi secara profesional dengan peserta dari negara luar.



Mekanisme forum di bawah WPNS ini dianggap sebagai platform terbaik ke arah mewujudkan jaringan komunikasi yang telus dalam kalangan peserta. Ia mampu mempertingkatkan kerjasama serantau sekaligus memberi peluang kepada ahli untuk mengetengahkan aspek-aspek kepimpinan, pengurusan, pembangunan latihan di peringkat bawahan dan perkembangan reputasi organisasi negara masing-masing.

Dalam pada itu, persidangan ini juga dilihat dapat meningkatkan kerjasama dari segi peranan dan tanggungjawab *Senior Enlisted Leaders* (SEL) dalam sesebuah angkatan laut di samping mengenal pasti program dan peluang latihan yang sedang dilaksanakan oleh angkatan laut negara ahli yang boleh dipelajari bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan SEL selain membangunkan keupayaan mereka untuk bekerja di peringkat strategik dan pada masa sama ia dijadikan landasan perkongsian berkenaan *best practices* organisasi masing-masing. Secara keseluruhannya, persidangan ini diharap dapat merangka hala tuju kerjasama dalam kalangan tentera laut negara ahli untuk memelihara dan memperkuuhkan keselamatan maritim yang secara langsung menyumbang ke arah kestabilan dan keamanan perairan penting di rantau ini.



Negara yang turut serta dalam persidangan kali ini ialah Amerika Syarikat, Australia, Brunei, Chile, Filipina, Indonesia, Jepun, Kanada, Malaysia, New Zealand, Peru, Singapura dan Thailand manakala India dan Pakistan sebagai negara pemerhati.

Pengisian program lawatan yang melibatkan para peserta luar negara sempena persidangan ini juga secara tidak langsung menyaksikan TLDM bersama-sama menyokong kempen intensif kerajaan untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2014 bagi menarik kemasukan sebanyak 36 juta pelancong menjelang 2020.





# Common Hazards Onboard Ship

by Lt Mohd Mustaqim bin Yahaya RMN


This article provides several hazards which are commonly faced by ship crew onboard ship and safety measurements towards overcoming those hazards.

**F**ire, flooding or electrical shocks are the worst hazards which might happen at sea. Things like rubbish and pile of rags mostly oily clothes might easily catch fire when left in open space. This is because many areas onboard ship emit energy and heat especially in machinery room which can invite fire. Fires could also result from faulty electrical appliances or fittings. More deaths onboard ships occur from the electrical shock and it spark into flames. Ship crew should always disconnect plugs when leaving any areas.

Study shows that most electrical shocks are due to human mistakes or improper procedure rather than

equipment failure. Never overload circuit with too many appliances connected to a single socket or plug. The use of extension cords should be prohibited as well and the sockets or plugs must be guard against oil spills and leaks especially when working in machinery room. Furthermore, loss of electricity onboard ship always possible and it is recommended for all ship crews to bring personal lighting device like a small flashlight to help in the dark. Avoid using lighter which will emit not just light but also heat. This can cause spark or even fire.

Slipping, tripping and falling frequently occurs onboard ship which may cause injury or worst;





death. Sailor should watch for slippery patches, obstruction on deck and unguarded openings, hatches or doors. At a certain time in the engine room, technical personal remove the floor plates to do maintenance work underneath the passageway. This can cause a person to fall down if the opening is not fenced or guarded. There are also several ways to prevent slipping, tripping and falling. Firstly, ship crew should try to keep the deck clear and clean. Secondly ship crew should properly secure or lash any loose equipment and thirdly clean up immediately spillage and spread sand over slippery areas.

Lastly, paint work or bright work normally done by crew onboard ship as to prevent any items and equipments from rust or corrosion. Paints contain poisons or irritants and several solvents such as thinner produce flammable or potentially explosive vapors that may also be toxic. There are three major safety procedures when doing the paint job. Firstly ship crews should read the manufacturer's manual or instruction which normally available on the paint container. Secondly ship crews should work in well ventilated conditions and thirdly the most important is to wear appropriate protective clothing. As for the storage of paints and flammable solvent, they should be stored in well ventilated compartment, far from living quarter and fire prevention device installed at the compartment. Ship crew should never light a match or cigarette inside the paint's compartment.

Hopefully this short article should provide a brief knowledge regarding hazards which may occur onboard ship and the safety measurements to overcome them.



## KESIAGAAN

# Majlis Angkat Sumpah Pegawai Kadet Graduan Pengambilan Ke-22

Oleh:Lt Illey Farhani bt Izani TLDM



UMUT - 8 April 2014 merupakan satu tarikh bermakna buat 13 orang graduan dari pelbagai universiti tempatan. Bertempat di Auditorium Wisma Suria KD SULTAN IDRIS I, berlangsungnya Majlis Angkat Sumpah serta Penyerahan Pegawai Kadet Graduan TLDM Pengambilan Ke-22.

Majlis yang bersejarah itu dihadiri oleh Pengarah Tenaga Kerja Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM), YBhg Brid Jen Dato' Pahlawan Md Sani Haji Ahmad dan Pegawai Memerintah KD SULTAN IDRIS I, Kept Roslan Mohd Yunus TLDM.

Majlis Angkat Sumpah ini ditadbirkan oleh Lt Amran Abas TLDM, wakil dari Cawangan Tenaga Kerja dan diketuai oleh Pegawai Kadet Graduan Mohd Hairy Adanan. Majlis ini disaksikan oleh pegawai-pegawai serta jurulatih-jurulatih dari KD SULTAN IDRIS I dan staf-staf dari Cawangan Tenaga Kerja. Walaupun jumlah Pegawai Kadet Graduan ini tidak ramai, mereka tetap bersemangat untuk melaungkan bacaan angkat sumpah dengan penuh teruja dan sikap disiplin yang tinggi.

11 orang lelaki dan 2 orang perempuan dan merupakan 13 orang Pegawai Kadet Graduan yang berjaya mengharungi dalam Sesi Pemilihan Pegawai Kadet Graduan yang dijalankan pada 17 hingga 25 Feb 14 di Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani Kedah. Kesemua Pegawai Kadet Graduan ini merupakan lepasan graduan dalam jurusan Pengurusan Hospitaliti, Seni Kulineri, Perakaunan, Undang-undang dan juga Pengurusan Perniagaan.

Selaku Pegawai Koordinasi Pegawai Kadet Pengambilan Ke-22, Lt Megat Mohamad Sofwan Firdaus Megat Mohamad Yunus TLDM diberi tanggungjawab untuk menguruskan dan memastikan kesemua keperluan serta pergerakan calon di bawah pemantauannya. Beliau mengakui ia bukanlah suatu tugas yang mudah untuk membentuk seseorang dari kehidupan sebagai seorang awam kepada seorang pegawai tentera.

Pegawai Kadet Graduan Pengambilan Ke-22 ini melapor diri di KDSI I pada pagi 7 Apr 14 untuk pemeriksaan dokumen dan penyerahan kunci bilik di penginapan Wisma Suria. Taklimat Dokumentasi Angkat Sumpah, pengisian dokumen serta raptai Majlis Angkat Sumpah Pegawai Kadet Graduan dilakukan pada sebelah petang pada hari yang sama. Mereka dilihat bersungguh-sungguh dan bersemangat untuk menjadi seorang pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia.

# BM 5 Terlibat Penugasan Sea Basing Pertama

Oleh: PW II PRL Normahaily



Kapal Auxiliary TLDM, BUNGA MAS 5 (BM 5) terlibat kunituk Penugasan Sea Basing Pertama (PSB1) di perairan Zon Keselamatan Timur Sabah (ESSZONE) 11 Julai lalu.

Kapal di bawah pemerintahan Kdr Tajudin Abd Rahman PSSTLDM ditugaskan bagi memperkasa pelaksanaan Op SANGGAH dan Op PASIR bagi membanteras pencerobohan dan penculikan di kawasan terbabit.

Dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan *Malaysia International Shipping Corporation* (MISC), inisiatif ini dilaksanakan sebagai tindak balas pantas TLDM dalam memenuhi hasrat kerajaan mewujudkan Pangkalan Operasi Hadapan di laut sebagai interim sebelum pelantar minyak terpakai beroperasi pada awal tahun hadapan.

BM 5 dianggotai PSSTLDM selaku kru kapal dan disokong anggota tetap TLDM selaku Tim Pemerintah Penilai (TPP), diketuai Lt Kdr Mohd Faizul Yaakob TLDM yang bertanggungjawab mengatur gerak aset-aset yang ditempatkan di BM 5 sesuai ancaman semasa. Dalam penugasan tersebut, kapal bersauh di lokasi strategik kawasan ancaman dan memberi bantuan logistik kepada kru dan bot pemintas yang merapat merangkumi pengisian bahan bakar, sajian, penginapan dan perubatan.

Dalam pada itu, Tim Detasmen Udara seramai 10 anggota dari Markas Udara TLDM serta sebuah helikopter Fennec dan Tim Pasukan Khas Atur Gerak Cepat dari KD SRI SEMPONA turut ditempatkan di kapal untuk membantu untuk sebarang situasi.





# Latihan Mendarat

Oleh: Lt Dya Shahru Rizal bin Norimi TLDM

**S**ANDAKAN - Dalam merealisasikan cogan kata TLDM yang terkini, TLDM SIAGA, PERAIRAN TERPELIHARA, KD SRI TIGA telah melaksanakan satu Latihan Mendarat di sekitar Jeti Pangkalan TLDM Sandakan pada 18 Mei 2014. Tujuan latihan ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kesiapsiagaan warga kapal dalam segala bentuk ancaman unsur-unsur sabotaj.

Kumpulan terdiri daripada seorang pegawai dan lima anggota membawa bersama senjata kecil untuk memeriksa keadaan jeti sebelum merapat sekaligus menepati cogankata kapal iaitu *UTRINQUE PARATUS* yang membawa maksud *READY FOR ANYTHING*.



# Penembakan Misil Bersepadu TLDM dan TUDM di Laut China Selatan

Oleh: Perhubungan Awam Eksesais ANGSA 9/2014



TLDM dan TUDM telah berjaya melancarkan penembakan misil secara bersepadu di Perairan Laut China Selatan pada 10 September lalu sekitar jam 9 hingga 11 pagi. Penembakan yang dilancarkan dari aset TLDM dan TUDM ini telah berjaya mengenai sasaran udara dan sasaran permukaan yang disasar pada jarak dan kelajuan yang telah dirancang.

Dalam penembakan tersebut, TLDM telah melancarkan misil SEAWOLF dari KD LEKIU ke sasaran tunda udara TGX-2, manakala misil EXOCET MM40 dari KD KASTURI dan misil SEASKUA dari helic和平 Super Lynx dan misil KH-31A dari pesawat pejuang TUDM SU-30MKM dilancarkan ke sasaran permukaan. Kesemua misil yang dilancar pada jarak yang dirancang ini telah tepat mengenai dan memusnahkan struktur sasaran yang dibina khas untuk tujuan penembakan.

Penembakan bersepadu ini merupakan kemuncak kepada Eksesais ANGSA 9/2014 yang telah bermula sejak 1 September dan berakhir pada 15 September 2014. Eksesais ini dilaksanakan setiap tahun secara giliran di antara TLDM dan TUDM dengan elemen bantuan dari TDM dalam usaha meningkatkan latihan secara bersama antara kesemua cabang perkhidmatan ATM khususnya dalam senario peperangan maritim.

Penembakan kali ini melakar sejarah apabila buat julung kalinya pesawat pejuang TUDM, SU-30MKM melaksanakan penembakan misil sejak memasuki inventori ATM pada tahun 2007. TLDM dan TUDM turut melaksanakan perkongsian dalam pengoperasian penembakan dengan menggunakan struktur target permukaan yang sama untuk penembakan misil SEASKUA, KH-31A dan EXOCET MM40. Selain itu, siri latihan penembakan tahunan TLDM iaitu Operasi TAMING SARI 18/2014 juga turut digabung dan dilaksana sewaktu Eksesais ANGSA 9/2014.





# Pencerobohan Nelayan Asing di Perairan Semenanjung Malaysia

Oleh: Lt Dya Shahrul Nazim bin Kechnther Sha TLDL

**M**alaysia adalah sebuah negara yang terletak di kedudukan strategik iaitu di tengah-tengah laluan antara timur dan barat. Malaysia juga dikelilingi oleh tiga laut utama, Laut China Selatan, Selat Melaka dan Laut Sulu. Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu adalah sebuah negara yang kaya dengan hasil maritim. Hasil kekayaan bumi bertuah ini telah diketahui umum dan menjadikan perairan negara ini sering dicerobohi nelayan dari negara jiran seperti Vietnam, Indonesia, Filipina dan juga China demi memperolehi hasil laut yang lumayan.

Pada masa kini, pengurusan dan penguatkuasaan sumber laut dan pesisiran maritim negara telah banyak mengalami fasa perubahan yang membawa ke arah yang lebih baik. Pada dasarnya antara agensi utama atau badan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab atau kuasa penuh untuk melaksanakan penguatkuasaan perundangan terhadap sektor perikanan negara ialah Jabatan Perikanan yang melalui Cawangan Perlindungan Sumber. Penguatkuasaan ini dibantu oleh pasukan Polis Marin dan juga Tentera Laut di Raja Malaysia. Pengawasan udara dan pemantauan pula dilakukan oleh skuadron maritim Tentera Udara Di Raja Malaysia dan juga Unit Udara Polis. Terdapat juga agensi lain yang terlibat iaitu Jabatan Laut, Jabatan Kastam Di Raja Malaysia dan Jabatan Imigresen. Dasar utama penguatkuasaan terhadap sebarang masalah dalam sektor ini ialah merujuk kepada Akta Perikanan (1985) dan Akta Zon Ekonomi Ekslusif (1984).

Menurut hasil laporan daripada Jabatan Perikanan, pada tahun 2010 Industri Perikanan Negara mencatatkan kerugian lebih kurang RM 1 bilion hasil daripada rekod dan pemerhatian juga hasil maklumat yang diterima daripada nelayan tempatan. Masalah ini cukup membimbangkan kerana dapat menjelaskan antara sumber pendapatan utama negara. Apa yang lebih membimbangkan adalah mereka bukan sahaja mengaut keuntungan hasil laut negara kita secara haram namun teknik bom ikan yang dilakukan bagi mengaut hasil yang berlipat ganda juga akan merosakkan spesis terumbu karang khususnya di kawasan perairan taman laut.

Pelbagai kaedah telah dilakukan oleh agensi kerajaan bagi mengekang daripada pencerobohan ini terus berlaku. Pihak Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) juga mengendalikan kes yang berkaitan aktiviti mengebom ikan oleh penceroboh taman laut. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia juga membanteras pencerobohan ini dengan melakukan operasi dengan giat di samping melakukan operasi bersama Jabatan Perikanan dan Polis Marin Diraja Malaysia 4 taun sekali di samping menjalankan kerjasama dengan Pihak pelantar minyak bagi memberi kemudahan kepada nelayan tempatan untuk mencari rezeki di bumi sendiri dan mengurangkan kerugian hasil laut yang dialami negara sejak bertahun lama.

Kesimpulannya, masalah atau gejala pencerobohan ini tidak dapat dibendung tanpa adanya kerjasama daripada semua pihak. Justeru itu adalah penting bagi semua agensi pertahanan maritim negara memainkan peranan masing-masing dengan agresif dan saling bekerjasama. Dalam mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan negara ini, semua pihak haruslah berganding bahu tidak kira apa jua cara sekalipun bagi memastikan keamanan dan tanah air tidak dicerobohi.





## KEBANGGAAN



# PTL Dinobat Ahli Chartered Fellow

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MktL

Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar melakar momen cukup bermakna buat diri beliau dan TLDM apabila dinobat ahli bertaraf Chartered Fellow oleh Institut Logistik dan Pengangkutan Bertauliah, United Kingdom (CILT) dalam Majlis Gala Dinner yang berlangsung meriah dan gilang-gemilang di Hotel Hatten, Melaka pada 2 Jun 2014.

Beliau diberi taraf berprestij itu sebagai pengiktirafan kepada sumbangan beliau yang amat signifikan kepada keselamatan pengangkutan maritim dan keamanan di laut, antaranya menjalankan kerjasama pintar antara kerajaan melalui TLDM dan MISC dalam kewujudan skuadron kapal auxiliary atau kapal bantuan TLDM yang mengiringi kapal-kapal MISC dan kapal-kapal dagang berkepentingan di Laut Merah dan Teluk Aden. Kewujudan skuadron kapal TLDM adalah cetusan idea dan buah fikiran beliau yang membawa kepada perkongsian inovatif antara TLDM dengan MISC.

Penglibatan beliau tidak hanya di peringkat ASEAN malah turut bergiat aktif sebagai moderator, penulis pembentang kertas atau menyampaikan ucapan tama dalam pelbagai simposium, seminar dan forum di peringkat antarabangsa. Usaha beliau bukan sahaja mengeratkan hubungan dua hala dan pelbagai hala antara angkatan laut negara ASEAN dan negara lain tetapi turut menjamin keselamatan maritim dan keamanan di kawasan yang lebih luas mencakupi Asia Pasifik.

Pengalaman yang dimiliki Tan Sri Abdul Aziz sememangnya sesuatu yang amat berharga. Komitmen beliau terhadap keselamatan dan keamanan maritim di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi maritim serantau. Keterampilan dan sumbangan beliau secara langsung telah memberi impak secara menyeluruh kepada institut berkenaan dan telah mendorong CILT memilih beliau sebagai Ahli Fellow Bertauliah yang didaftarkan di United Kingdom. Sehingga kini, institut tersebut mempunyai 32 cawangan dan ahli bertauliah seramai hampir 32,000 ahli.

# Jasa Anggota Keselamatan Diiktiraf

*Oleh: BK PNK Md Nasir Foto: PR MRTL*

Pengorbanan anggota keselamatan dalam mempertahankan negara daripada ancaman sentiasa dihargai. Penghargaan ini telah dibuktikan dalam satu majlis penganugerahan khas yang telah berlangsung di Dewan Banquet, Pusat Latihan Polis, Kuala Lumpur pada 4 September lalu.

Seramai 129 penerima anugerah terdiri daripada anggota keselamatan serta pegawai awam yang telah menyumbang khidmat sokongan dalam Ops Daulat di Sabah telah dianugerahkan Pingat Kedaulatan Negara yang disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Dalam majlis tersebut, seramai 10 Pegawai Kanan TLDM turut menerima anugerah tersebut. Penerima anugerah adalah seperti berikut:

- Laksamana Madya Dato' Nasaruddin bin Othman, Ketua Staf Markas ATM
- Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Ahmad Kamarulzaman bin Hj Ahmad Badaruddin, Timbalan Panglima Tentera Laut
- Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Sulaiman bin Mohamad – Panglima Selam dan Periuk Api
- Kepten Abd Hamid bin Ali TLDM
- Kepten Roslee bin Mohamad Isa TLDM
- Kepten Rosli bin Abd Ghani TLDM

- Komander Jamil bin Hj Mohamed TLDM
- Komander Muhamad Hairulsah bin Abdul TLDM
- Komander Shaiful bin Mayudin TLDM
- Komander Mohd Zailani bin Mohd Nor TLDM





# Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM Ke-24 Tahun 2014 Zon Lumut dan Perak Selatan

Oleh: Mej Dailami bin Zahari



Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM Ke-24 Tahun 2014 Zon Lumut dan Perak Selatan diadakan di Auditorium Venus KDSI I Pangkalan TLDL Lumut pada 27 Jun 14 jam 1000H. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg Panglima Bantuan Laksda Dato' Mohamad Roslan bin Mohamad Ramli.

Majlis yang dibiayai sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera Malaysia ini melibatkan seramai 105 orang pelajar terdiri daripada 29 pelajar kategori SPM dan 76 kategori PMR. Majlis ini diadakan bagi menghargai anak-anak anggota ATM yang cemerlang dalam peperiksaan PMR dan SPM dan bertujuan mengiktiraf kejayaan anak-anak anggota sekaligus menjadi pendorong semangat serta motivasi kepada anak-anak anggota lain untuk turut menempa kejayaan yang sama.

Turut hadir dalam majlis bersejarah ini Pegawai-pegawai Memerintah dan pegawai-pegawai kanan, para ibu bapa serta pelajar-pelajar yang terlibat. Kategori SPM menerima hadiah berupa wang tunai RM1500.00 berserta sijil manakala PMR menerima wang tunai RM750.00 berserta sijil. Majlis ini telah dikoordinasikan sepenuhnya oleh Pusat Perkhidmatan Komuniti (PUSPEK) Markas Bantuan selaku tuan rumah dengan kerjasama pihak KDSI I, tempat berlangsungnya majlis.

Majlis ini secara langsung menunjukkan komitmen serta keprihatinan TLDL dalam meningkatkan mutu pendidikan anak-anak anggota TLDL. Ini terbukti melalui pelbagai pembangunan dari segi infrastruktur, program-program pembangunan pendidikan dan insentif yang diberikan kepada sekolah-sekolah yang terdapat di dalam kem Angkatan Tentera Malaysia.





Keupayaan KD SULTAN ISMAIL

# Mengkoordinasikan Summer Camp

Oleh: Lt Raja Muhamad Fadzli bin Raja Abdul Latif TLDM

KDSI merupakan sebuah pusat latihan yang melaksanakan Latihan Asas Laskar Muda dalam membentuk serta menerapkan sifat ketenteraan, berdisiplin serta bersemangat tinggi kepada anggota yang baru memasuki TLDM. Di sinilah titik permulaan bagi bakal anggota untuk membentuk diri mereka supaya menjadi seorang anggota tentera yang berjiwa kental dan bersemangat waja seperti pahlawan terdahulu. Di samping itu juga, Laskar Muda (LM) akan didedahkan dengan nilai-nilai teras TLDM iaitu Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan. Nilai-nilai teras ini akan menjadi ramuan dan paksi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di hari akan datang.

KDSI bukan hanya berfungsi untuk melatih bakal *Navy People*, malah mampu melaksanakan program bersama agensi luar. Baru-baru ini, KDSI telah terlibat sebagai unit penyelaras Program *Summer Camp 4 Remaja Berwawasan* di bawah NBOS 8 bagi Zon Selatan. Pemilihan ini telah membuktikan bahawa KDSI berkeupayaan untuk mengkoordinasikan program luaran

dengan adanya keupayaan yang dimiliki KDSI seperti kemudahan latihan yang mencukupi dan bilangan jurulatih profesional yang ditempatkan di KDSI.

Antara kemudahan latihan yang terdapat di KDSI ialah tempat penginapan pelatih, kolam renang, Tapak Merempuh Halangan, Padang Kawad, Masjid, Auditorium, Dewan Makan Laskar dan Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT).

Tempat penginapan pelatih di KDSI mampu menampung seramai 1000 pelatih dalam satu masa. Terdapat enam bangunan penginapan pelatih iaitu Bangunan Tuah, Jebat, Lekir, Kasturi dan Nadim yang disediakan untuk penginapan lelaki dan Bangunan Mahsuri untuk penginapan wanita. Setiap bangunan juga boleh dimuatkan dengan jurulatih. Kolam Renang juga disediakan di KDSI untuk program *Water Confident*. Terdapat empat tahap ketinggian untuk pelatih terjun dan tahap ketinggian yang paling tinggi ialah 10 meter. Selain itu, terdapat jaket keselamatan yang boleh digunakan oleh pelatih.





Kemudahan lain ialah Tapak Merempuh Halangan yang mempunyai 12 jenis halangan yang boleh dan perlu dilepasi oleh pelatih. Jurulatih akan menunjukkan cara untuk melepas setiap halangan dahulu kepada pelatih sebelum pelatih melaksanakannya sendiri. Padang Kawad KDSI juga boleh digunakan untuk latihan kawad kaki yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama antara pelatih. Jurulatih Kawad setiap sekolah akan mengajar kawad kaki kepada sekolah masing-masing. Kawad kaki tersebut akan dinilai dan hadiah akan diberikan kepada sekolah yang mampu untuk menunjukkan kawad kaki yang paling seragam.


Masjid disediakan bagi pelatih muslim untuk menunaikan solat dan program kerohanian. Bagi pelatih bukan Islam pula diberikan Pendidikan Moral dan Etika (PMET) di Auditorium. Pelatih mempunyai enam kali waktu makan iaitu sarapan pagi, *stand easy*, makan tengahari, minum petang, makan malam dan *supper* yang disediakan di Dewan Makan Laskar. Auditorium juga digunakan untuk pemeriksaan keselamatan yang dilaksanakan sewaktu pelatih melapor di KDSI. Selain itu,

ceramah juga boleh dilaksanakan di Auditorium. RSAT membantu bagi melaksanakan pemeriksaan kesihatan dan member rawatan kepada pelatih yang mengalami kecederaan semasa melaksanakan latihan.

KDSI sendiri telah mempunyai Jurulatih Profesional bagi memantau dan mengajar pelatih setiap masa. Antara jurulatih yang ada ialah jurulatih asas profesional, kawad, aktiviti luar dan jasmani. KDSI juga mempunyai anggota sel perubatan, agama dan keselamatan. Kemudahan kenderaan juga terdapat di KDSI bertujuan membantu pergerakan jurulatih dan ambulan untuk pelatih yang mengalami kecederaan.

Kesimpulannya, KDSI memang berupaya untuk mengkoordinasikan *Summer Camp* kerana pada asasnya antara fungsi KDSI adalah untuk melatih. KDSI juga telah dipersijilkan dengan MS ISO 9001:2008 yang mempunyai skop pensijilan ‘Pemberian Latihan Asas Ketenteraan Kepada Perajurit Muda TLDM’.





# THE NAVY

The collage consists of nine photographs arranged in a grid-like pattern, each depicting a different aspect of naval or military life:


- Top Left: A close-up of a person wearing a large, metallic, futuristic-looking helmet or protective gear.
- Top Right: A group of soldiers in dark uniforms and helmets marching in formation on a runway.
- Middle Left: A pilot in a green flight suit and helmet looking out from the cockpit of a fighter jet.
- Middle Center: A sailor wearing a helmet with "TLDN" on it, looking directly at the camera.
- Middle Right: A close-up of a person's face, partially obscured by a metal structure with rivets and a circular emblem featuring an anchor.
- Bottom Left: Two sailors working on a ship's machinery; one is wearing a blue uniform and the other is in a white protective suit.
- Bottom Center: A sailor in a dark uniform and balaclava working on a large mechanical component.
- Bottom Right: Two sailors on a ship; one is looking through binoculars while the other wears headphones and also looks through binoculars.
- Bottom Left (Large Image): A sailor in a flight suit and helmet operating a control panel, with a barbed-wire fence visible in the foreground.

# PROPI

# Navy



Navy





# Taksub Kapal Perang Asnizam Rela Bersengkang Mata

Oleh: PW II PRL Normahaily Mohd Nor

Melihat deretan replika kapal di sisi kiri ruang tamu rumahnya, sesiapa sahaja akan merasa kagum dan teruja. Bukan sekadar penyeri ruang, ia turut dilihat sebagai simbol semangat juang; itu pandangan Pegawai Waran II TNL Asnizam Jamiran, 40, yang begitu taksub dengan kapal perang.

Kerana ketaksubannya itu, Asnizam sanggup bersengkang mata menyiapkan replika pelbagai jenis kapal perang untuk dijadikan hiasan bilik dan ruang tamu rumahnya.

Tempoh 19 tahun berkhidmat dalam TLDM memberikan ruang yang cukup luas untuk beliau menganyam inspirasi bagi menghasilkan pelbagai jenis replika kapal. Rekaannya yang unik membuktikan kebolehan Asnizam bukan calang-calang.

Bermula dengan ‘suka-suka’ untuk mengisi masa lapang, kini kerja tangan yang memerlukan sentuhan penuh teliti dan berseni seolah-olah sudah sebatи dalam diri beliau. Lagi pula, isterinya Sharniza Mat Sharif 37, mempunyai minat yang sama dan rajin membantu.

Menurut Asnizam, minat untuk membuat replika secara serius bermula pada tahun 2010 apabila ramai yang bertanya untuk mendapatkan replika kapal, walau bagaimanapun harga replika kapal yang berada di pasaran agak tinggi. Melihat keadaan itu, Asnizam mengambil inisiatif untuk membuat replika menggunakan material lebih murah dan mudah didapati serta dijual dengan harga yang mampu dimiliki oleh semua peminat replika kapal perang.

Menggunakan bahan-bahan seperti *polystyrene* dan *model board* sebagai bahan utama, Asnizam turut menggunakan bahan-bahan yang menyamai atau seakan-akan item yang terdapat di kapal.





"Selain mudah diperolehi, bahan tersebut juga senang dibentuk, contohnya ini," kata Asnizam sambil menunjukkan sebuah model kapal yang baru siap dicantum.

Menurut Asnizam, beliau mengambil masa tiga hari untuk menyiapkan sebuah model kapal, namun pada cuti hujung minggu, beliau mampu menyiapkan sebuah kapal sehari. Secara purata, beliau mampu menghasilkan 10 replika kapal sebulan, bergantung kepada saiz. Semakin kecil saiz model tersebut, ia semakin rumit dan mengambil masa agak panjang. Ia juga turut bergantung kepada jadual tugasannya sebagai Penyelia di Depot Peluru dan Bahan Letupan, Pangkalan TLDM Lumut.

"Saya baru sahaja diperjawatkan di unit ini. Sebelum ini saya di KD PELANDOK sebagai Jurulatih di Sekolah Pengajian Teknologi Latihan, Fakulti Bekalan dan Pengurusan," ujarnya.

Menurutnya, memikul tanggungjawab sebagai jurulatih sebelum ini memerlukan beliau lebih fokus dan mempunyai masa senggang yang amat terbatas. Namun, beliau tidak menganggap kekangan itu sebagai penghalang untuk beliau meneruskan 'kegilaan' membuat model kapal perang.

"Saya seronok menghasilkan barang perhiasan bagi mengisi masa terluang. Tapi saya tidak menjadikan ia sebagai fokus utama kerana masih dalam perkhidmatan," ujarnya lagi.

Pengalaman berkhidmat di empat buah kapal seperti KD SRI INDERA SAKTI, KD MUTIARA, KD LAKSAMANA TAN PUSMAH

dan KD JEBAT memudahkan lagi proses mereka bentuk replika tersebut.

"Membuatnya tidak susah sekiranya mempunyai minat, bakat dan kemahiran. Selain mendapat gambaran bentuk melalui pengalaman berkhidmat di kapal, saya banyak menggunakan imaginasi untuk binaan dan struktur yang lebih jelas," katanya yang berazam meneruskan usaha mengembangkan seni kraf itu lebih jauh.

Menurut Asnizam, pembuatan replika kapal ini memberi banyak keuntungan dan menjadi rezeki tambahan baginya dan keluarga.

"Dalam sebulan paling sedikit saya menerima 15 tempahan," katanya sambil menunjukkan buku tempahan yang sarat diisi dengan permintaan pelbagai skuadron.

Sehingga kini katanya, pembeli replika kapalnya terdiri daripada pegawai, anggota TLDM, pesara-pesara, kedai-kedai cenderamata, orang awam yang kebanyakannya guru sekolah serta persatuan-persatuan beruniform.

Beliau yang akan menamatkan perkhidmatan pada 3 Januari 2016 berazam untuk memasarkan hasil tangannya secara komersil memandangkan ia semakin mendapat tempat dan akan berusaha untuk memiliki sebuah mesin 3D Printer Delta bagi menghasilkan produk lebih berkualiti dan bercita-cita untuk memiliki sebuah kedai cenderamata satu hari nanti.



## Program Mengurus Penampilan Diri

Oleh: BAKAT Laut KL Foto: LK / TNL Hafezul



KUALA LUMPUR – BAKAT Laut Kuala Lumpur telah mengadakan program Mengurus Penampilan Diri bertempat di Rumah BAKAT Laut, Blok Cempaka, Pangaspuri ATM pada 10 September lalu.

Program yang turut dihadiri Pengerusi BAKAT (L) Kuala Lumpur, YBhg Datin Seri Noor Azrina Abdullah ini dikendalikan oleh Encik Faizal Aziz wakil syarikat produk kecantikan Sariayu Martha Tilaar Malaysia dan dibantu oleh dua orang wakil syarikat Indonesia, Cik Reni Zulfita Roza serta Cik Rahmahwati.

Program dimulakan dengan sesi penerangan berkaitan mengurus penampilan diri diikuti demonstrasi berkaitan tatarias wajah bagi solekan harian serta solekan untuk menghadiri majlis. Selain penerangan tatarias wajah, demonstrasi pemakaian tudung turut diadakan. Ahli BAKAT turut diberi pendedahan tentang teknik penggunaan pemakaian tudung masa kini.

Hasil dari program ini ahli BAKAT Laut dapat mempelajari tentang penggunaan fesyen dan tatarias wajah yang sesuai mengikut tema majlis.



## Sambutan Hari Ibu Eratkan Ahli Bakat

Oleh: Lt Nur Fazlin bte Ibrahim TLDM

ANGKAWI - Sambutan Hari Ibu yang dianjurkan oleh BAKAT Laut MAWILLA 3 di TM MULYA Resort, Pantai Chenang pada 16 Mei lalu berlangsung meriah dengan kehadiran kira-kira 47 orang ahli badan itu.

Majlis keraian dan penghargaan bagi kaum ibu itu turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi BAKAT Laut MAWILLA 3, Puan Siti Halijah Karim. Majlis juga dimeriahkan dengan pelbagai acara menarik seperti pertandingan ratu ibu, anak mencari ibu, pakaian tercantik, cabutan bertuah dan karaoke. Kemeriahan majlis secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli BAKAT Laut.





# Majlis Khatam Al-Quran

Oleh: Bahagian Kerohanian PUSPEK  
Foto: PR Markas Pemerintahan Bantuan TLDM



**L**UMUT – Majlis Khatam Al-Quran anjuran bersama BAKAT (L) Lumut dan Biro Helwa Masjid An-Nur telah berlangsung di Dewan Banquet Pusat Pembangunan Wanita (PPW) pada 18 Julai 2014.

Program ini dianjurkan bagi mengimarahkan bulan Ramadhan terutamanya bacaan Al-Quran serta menyemai semangat dan keazaman Al-Quran untuk terus membacanya pada hari-hari yang lain. Program sebegini juga dapat menjadikan Al-Quran sebagai pedoman dan pembimbing dalam kehidupan serta melahirkan lebih ramai warga yang gemar membaca Al-Quran.

Seramai 100 orang peserta di kalangan ahli BAKAT Laut Lumut, kakitangan Awam dan ahli SELWA Pangkalan TLDM Lumut telah menyertai program yang diadakan ini. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yasin oleh para peserta seterusnya diserikan dengan bacaan Berzanji dan Marhaban. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada para peserta yang disempurnakan oleh Pengerusi BAKAT Laut Lumut, YBhg Datin Rafidah Mohd Shariff.



## Majlis Bacaan Yasin Untuk Anak-Anak Hadapi Peperiksaan

Oleh: PR Markas Pangkalan Lumut

**L**umut – BAKAT Laut Lumut telah mengadakan majlis bacaan Yasin menjelang peperiksaan UPSR, SPM dan STPM di Masjid An-Nur pada 2 September lalu.

Walaupun majlis sebegini turut diadakan di sekolah, namun BAKAT Laut Lumut turut mengambil inisiatif mengadakan majlis seumpamanya sebagai tanda keprihatinan kepada anak-anak anggota TLDM. Dalam majlis tersebut, ibu-ibu yang mempunyai anak yang akan mengambil peperiksaan turut hadir membacakan surah Yasin bersama-sama ahli BAKAT yang lain.

Majlis telah diketuai oleh Ustazah Ruzita Illyias dari 96 HATL. Seramai 80 ahli BAKAT Laut Lumut telah hadir menyertai proram yang turut dihadiri Datin Farah Anuar, Ketua Ahli Jawatankuasa Bahagian Agama BAKAT Laut Lumut. Aktiviti didahului dengan bacaan Yasin diikuti tazkirah bertajuk ‘Ilmu’.

# Tahsinul Ibadah Bimbing Kesempurnaan Solat

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi Mk TL



KUALA LUMPUR – Program ‘Tahsinul Ibadah’ bersama Profesor Madya Dr Ustaz Hasnan Kasan telah berlangsung di Dewan Salahudin Al-Ayubi, Masjid Khalid Al-Walid, Kementerian Pertahanan pada 22 Mei 2014.

Majlis anjuran BAKAT Laut Kuala Lumpur itu turut diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut, YBhg Puan Sri Sarah Ab Ghafar bersama Pengerusi BAKAT Laut Kuala Lumpur, YBhg Datin Seri Noor Azrina Abdullah.

Dalam program tersebut, Ustaz Hasnan lebih fokus kepada aspek memperelokkan ibadah

harian melalui pendedahan cara solat yang betul dan sempurna serta memahami dan menghayati cara bacaan dalam solat. Ia termasuklah membincangkan secara lebih terperinci mengenai asas-asas dalam mendirikan solat yang merangkumi perincian, ketelitian dan maksud bagi setiap bacaan dalam solat.

Apa yang lebih menarik, selain secara teoretikal, teknik pembelajaran yang disampaikan oleh Ustaz Hasnan turut diseliskan dengan praktikal di mana ahli-ahli BAKAT dapat melihat sendiri cara dan kedudukan yang betul semasa mengerjakan ibadah wajib itu.

# Kongsi Masalah Kesihatan Wanita

Oleh: Lt Nur Fazlin bte Ibrahim TLDM

L angkawi – Ceramah Kesihatan Wanita telah dianjurkan pada 18 Julai 2014 bertempat di Rumah BAKAT Laut MAWILLA 3.

Ceramah bertajuk Prolapsed Uterus dikendalikan oleh Pegawai Perubatan KD SULTAN BADLISHAH, Dr Gerald Lawrence membincangkan tentang situasi rahim jatuh disebabkan empat faktor iaitu melahirkan anak, kesukaran semasa bersalin, kehilangan semulajadi hormon estrogen dan faktor umur.

Dalam masa yang sama, Dr Gerard turut menyentuh tentang Hemoroid atau buasir iaitu pembengkakan pada vena yang terletak di bahagian rektum dan dubur. Beliau turut menerangkan fasa-fasa situasi, faktor-faktor, simptom-simptom, bagaimana ia didiagnosis dan rawatan bagi kedua-dua situasi bagi pemahaman yang lebih mendalam kepada ahli-ahli BAKAT Laut yang hadir,



# Kraftangan Gubahan Hamper

Oleh: AJK Media BAKAT Laut Lumut

Lumut, – BAKAT Laut Lumut mengisi program mingguan pada 24 Jun 14 dengan aktiviti kraftangan iaitu membuat gubahan hamper yang dianjurkan oleh Bahagian Kraftangan.

Aktiviti telah berlangsung di Dewan Banquet, Pusat Pembangunan Wanita itu turut dihadiri oleh Pengerusi BAKAT Laut Lumut, YBhg Datin Rafidah Mohd Shariff. Kira-kira 83 ahli BAKAT Laut serta ahli jawatankuasa dari setiap bahagian hadir pada aktiviti tersebut.

Aktiviti telah dimulakan dengan penerangan ringkas berkenaan bahan yang digunakan diikuti dengan demonstrasi membuat gubahan hamper yang ditunjukkan oleh salah seorang Ahli Jawatankuasa (AJK) Kraftangan BAKAT Laut Lumut, Puan Rosnita Hashim yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang kraftangan dan turut dibantu oleh Timbalan AJK Kraftangan iaitu Puan Norma Ismail.

Semua ahli BAKAT yang hadir gembira kerana berpeluang mempelajari cara membuat gubahan hamper dan ikatan reben untuk dijadikan penambah aksesori bagi mencantikkan lagi hiasan pada hamper tersebut.



# Kerja Tangan Teknik Sulam Tampal

Oleh: Perhubungan Awam Markas Pangkalan Lumut

Lumut – BAKAT Laut Lumut menganjurkan aktiviti kerja tangan iaitu Teknik Sulam Tampal (Applique) yang dianjurkan oleh Bahagian Kraftangan pada 9 September lalu.

Aktiviti yang berlangsung di Dewan Banquet, Pusat Pembangunan Wanita disertai kira-kira 100 ahli BAKAT Laut. Aktiviti telah dimulakan dengan penerangan ringkas berkenaan bahan yang digunakan diikuti demonstrasi sulam tampal yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar yang dijemput khas iaitu pemilik Pesona Ar Raudhah dan Razdah Graft Venice, Lumut Norasyidah Omar. Turut hadir Ahli Jawatankuasa Kraftangan BAKAT Laut Lumut, Datin Saadiah Ibrahim.



# Lidah Tentukan Langkah Manusia Ke Syurga Atau Neraka

Kata Imam Al-Ghazali, lidah antara nikmat Allah SWT yang besar dan antara ciptaan Tuhan yang amat halus dan ganjil.

Selanjutnya Imam al-Ghazali berkata: "Keimanan dan kekufuran seseorang tiada terang dan jelas, selain dengan kesaksian lidah. Lidah mempunyai ketaatan yang besar dan mempunyai dosa besar pula. Anggota tubuh yang paling derhaka kepada manusia ialah lidah. Sesungguhnya lidah alat perangkap syaitan yang paling jitu untuk menjerumuskan manusia."

Ini jelas menunjukkan kepada kita betapa besarnya peranan lidah dalam kehidupan manusia kerana lidah kita boleh masuk syurga dan kerana lidah juga kita boleh dihumban ke neraka.

Oleh kerana lidah boleh membawa kebaikan dan keburukan dalam hidup manusia, kita perlu sentiasa berwaspada menggunakan lidah sewaktu bertutur kata. Dengan kata lain, kita hendaklah bijak menggunakan lidah apabila bercakap.

Sekiranya kata yang kita ucapkan boleh menyebabkan orang yang mendengarnya sakit hati atau terguris, ia boleh mendorong keburukan kepada kita. Pepatah ada mengatakan kerana mulut badan binasa.

Sebelum kita berkata sesuatu hendaklah berfikir terlebih dulu. Kita gunakan lidah untuk berkata sesuatu yang baik dan tidak sia-sia atau lebih baik lagi kita diam. Itu lebih memberi manfaat daripada kita berkata perkara yang boleh mendorong dosa. Sesungguhnya orang beriman tidak bercakap perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah.

Daripada Abu Hurairah diriwayatkan Nabi Muhammad SAW bersabda yang maksudnya: "Siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau ia diam." (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: "Sesungguhnya Allah benci kepada orang yang jelik budi pekertinya serta kotor lidahnya." (Hadis riwayat Imam Tirmidzi).

Menurut Rasulullah SAW ada tiga jenis manusia iaitu yang mendapat pahala, selamat daripada dosa dan binasa.

Orang yang mendapat pahala sentiasa mengingati Allah, berzikir, mengerjakan solat dan sebagainya. Orang yang selamat daripada dosa ialah mereka yang diam, manakala orang yang binasa sentiasa melakukan perkara mungkar, maksiat dan tidak mengawal lidahnya dengan baik.

Kita dapat mengenal peribadi seseorang daripada percakapannya. Orang yang tinggi akhlak selalunya bercakap hal yang baik saja, tidak menyakiti hati orang lain, tidak mengucapkan perkataan kotor dan tidak banyak bercakap. Mereka mengawal lidah sebaik-baiknya.

Dalam hadis yang diriwayatkan Tirmidzi dan Ibnu Majah, Abu Hurairah menceritakan apabila Rasulullah SAW ditanya sebab terbesar yang membawa seseorang masuk syurga, Rasulullah menjawab: "Takwa kepada Allah dan akhlak yang baik." Apabila ditanya pula sebab terbesar yang membawa manusia masuk ke neraka, maka Rasulullah menjawab, "Dua rongga badan iaitu mulut dan kemaluan."





# Cinta Itu Mendamaikan - Ustaz Kazim Elias

Oleh: BK PNK Md Nasir Mohamed Foto: PR MktL



**K**ehidupan rumah tangga yang penuh dengan perasaan cinta dan sayang antara satu sama lain akan mewujudkan ketenangan dan kedamaian. Untuk mendapatkan perasaan cinta dalam hubungan kekeluargaan, perkara yang sangat penting adalah saling memahami dan melaksanakan sesuatu perkara yang menyeronokkan antara satu sama lain.

Begitulah antara intipati ceramah yang disampaikan oleh penceramah tersohor, Ustaz Kazim Elias dalam program bertajuk ‘Gebang-Gebang Keluarga Bahagia’ bertempat di Masjid Khalid Ibnu Al-Walid, Kementerian Pertahanan pada 21 Ogos lalu. Ceramah ini merupakan anjuran Markas Tentera Laut buat julung kalinya. Majlis ceramah ini telah berjaya menarik perhatian kira-kira 4000 orang terdiri dari warga ATM bersama keluarga dan penduduk sekitar Lembah Klang.

Ceramah yang berlangsung kira-kira 1 jam 30 minit terasa begitu singkat kerana terhibur dengan ceramah yang disampaikan oleh beliau. Sejurus ceramah selesai, Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar telah menyampaikan buku *Defining Moments* sebagai cendera kenangan.

## PSLTLDM Sertai Kejohanan Port Dickson International Triathlon 2014

Artikel/Foto: Persatuan Sukan Lasak TLDM

Port Dickson – Kejohanan Port Dickson International Triathlon telah berlangsung pada 9 dan 10 Ogos 14 di Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan. Terdapat dua acara yang dipertandingkan dalam kejohanan ini iaitu *Olympic Distance* dan *Sprint Triathlon*.

Bagi acara *Olympic Distance*, peserta perlu menamatkan ketiga-tiga disiplin iaitu berenang sejauh 1.5km, berbasikal sejauh 40km dan berlari sejauh 10km. Seramai 1500 peserta dari dalam dan luar negara telah menyertai sukan ini.

Persatuan Sukan Lasak TLDM telah menghantar seramai 15 atlet untuk menyertai kejohanan ini. Para peserta berjaya menamatkan acara di bawah masa tiga jam. Lebih membanggakan, sebahagian atlet PSL TLDM telah berjaya menamatkan acara mengikut kategori masing-masing. Antara atlet yang mendapat kedudukan yang membanggakan adalah LK I PAP Saiful Kohar Abd Halim yang menduduki tempat ke-5 bagi kategori umur 18-26 tahun dan LK I TLR Mohd Halif Husin di tempat ke-8 bagi kategori sama.

Bagi kategori umur 27-33 pula BM PLM Lawrence Gerang Moses menduduki tempat ke-6 manakala BM PLM Fetry Habo menduduki tempat ke-8.



## Perak International Gua Tempurung Eco Challenge 2014

Oleh: PW I TMK Mazlan Jemaan

Kira-kira 500 peserta dari dalam dan luar negara telah menyertai Perak International Gua Tempurung Eco-Challenge 2014 yang buat pertama kali diadakan di Pusat pelancongan Gua Tempurung, Kampar Perak pada 13 dan 14 September 2014.

Ini merupakan acara yang disertai PSL TLDM setiap tahun. Terdapat beberapa kategori yang dipertandingkan antaranya Lelaki dan Wanita Terbuka, Lelaki dan Wanita Veteran Terbuka dan Tempatan Perak.

Bagi kesemua kategori, peserta perlu menamatkan larian jalan raya dan belantara sejauh 15km, meredah sungai sejauh 5km, memasuki gua dan berenang merentasi tasik sejauh 500m.

Kemenangan dinilai pada catatan masa terpantas. Penyertaan kali ini disertai hampir 15 buah negara antaranya United Kingdom, Indonesia, Jepun, Australia, Singapura dan banyak lagi. Kejohanan ini dilaksanakan bagi mengukur sejauh mana kekuatan mental dan fizikal peserta. Mereka yang mempunyai semangat dan kekuatan mental yang tinggi sahaja mampu menamatkan acara lasak ini.

Persatuan Sukan Lasak TLDM (PSL TLDM) telah menghantar 10 anggota bagi menyertai acara gemilang ini. Latihan telah dimulakan seawal 3 bulan sebelum tarikh kejohanan merangkumi latihan renang, mendaki bukit dan berlari jarak jauh yang dilakukan dengan konsisten tanpa mengenal erti penat lelah.

Melalui latihan dan komitmen yang diberikan sepenuhnya, anggota PSL TLDM berjaya menamatkan kejohanan ini di bawah masa dua jam. Lebih membanggakan, beberapa anggota PSL TLDM telah berjaya merangkul kejuaraan dalam acara Lelaki Terbuka sekaligus mengharumkan nama TLDM khasnya dan Malaysia amnya.

Bagi kategori Lelaki Terbuka, Johan disandang oleh LK I PAP (PKL) Khairul Aznan Ab Rahman manakala BM PLM Lawrence Gerang Ak Moses menduduki tangga ke-3, ke 4 LK TLS Mohd Akmal Mansur, ke 12 PW I TMK Mazlan Jemaan dan ke 14 BM PLM Fetry Habo.

Bagi kategori Veteran Terbuka pula, PW I TNL Jeffrey Mujah telah berjaya menduduki tangga ke 3, manakala BM TNL Sidiq Ahmad menduduki tangga ke 6 dalam kategori Tempatan Perak.



## Kejohanan Lumba Basikal ATM - TLDM Benam TDM, TUDM

Oleh: LK KOM Abdullah Zakaria

UMUT – Kejohanan Lumba Basikal berlangsung di Pangkalan TLDM Lumut bermula 23 Jun dan berakhir pada 25 Jun lalu. Sebanyak tiga acara telah dipertandingkan iaitu Mountain Bike sejauh 25 KM, Lebuhraya sejauh 80 KM dan Ujian Masa Berkumpulan 40 sejauh KM.

TLDL telah mengutip 15 mata bagi semua acara yang dipertandingkan seterusnya dinobatkan sebagai juara keseluruhan pada tahun ini dan diikuti TDM di tempat kedua dan TUDM di tempat ketiga.

Upacara Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Hj Jaafar.



## Bola Jaring Johan Lagi!

Oleh: LK KOM Abdullah Zakaria Foto: LK TNL Harirolnizam Rahman



Port Dickson – Pasukan Bola Jaring TLDM johan lagi buat kali kelima berturut-turut apabila berjaya menundukkan musuh tradisi, Tentera Darat dengan pungutan mata 60 berbalas 22.

Pasukan di bawah kendalian Kdr Itom Jali TLDM itu menang bergaya dalam perlawanan akhir Kejohanan Bola Jaring Antara Perkhidmatan ATM 2014 yang berlangsung pada 10 September lalu.

Penyampaian piala kepada para pemenang telah dilaksanakan dalam Majlis Penutup Kejohanan Sukan Bola Jaring dan Sepak Takraw antara Perkhidmatan ATM 2014 yang berlangsung meriah di Kompleks Sukan Kolej Tentera Darat Port Dickson, Negeri Sembilan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Panglima 3 Div, Mejar Jeneral Dato' Sheikh Mokhsin Sheikh.

Turut hadir dalam majlis penutup, Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, YBhg Laksamana Muda Dato' Anuwar Mad Said selaku Pengurus Jawatankuasa Eksekutif Sukan TLDM dan Pengarah Kanan Material, Laksamana Pertama Mohamed Ariff Mahru selaku Mentor Sukan.

# Ke Mana Hilangnya Kad Bank Nordin?

Oleh: Dendam Melukut

Pening dia. Hairan bin ajaib. Macam mana boleh takde? Takkun tercicir???

Nordin mula berpeluh. Gila macam ni. Banyak benda perlu diselesaikan dan semua benda itu hanya boleh diselesaikan dengan duit. Semata-mata duit. Kalaualau semuanya boleh diselesaikan dengan kulit pokok, tentu dia tak menggelabah macam ni.

Belanja dapur perlukan duit. Beras dah surut. Kopi, gula nak kena beli. Susu anak memang wajib, *pampers* sudah mesti. Apakah lagi keperluan enam kepala seisi rumah. Belanja harian, belanja sekolah anak-anak, ansuran kereta, hutang-piutang, bil-bil sehingga belanja makanan si Siska dan Oreeq, tupai terbang belaan yang semakin 'gomok'. Hoh!...pitam.

"Ada orang curi tak?" ujar Siti.

"Eh...takkun la! Macam mana orang nak curi sedangkan kad tu sentiasa ada dalam dompet abang ni?"

Aduh...Siti panik. Cair mekap dek peluh yang mula merenik di dahi. Bagai nak sasau dia membayangkan anak-anaknya yang akan kelaparan dan tiada benda untuk dimakan. Belanja dapur macam mana? Beras dalam tong cukup-cukup untuk esok. Lauk? Tergamak ke dia nak suap anak-anak dengan nasi berulam kicap? Duit kutu *Tupperware* kak Leha pun kena bayar. Itu belum kira hutang rantai Zhulian kak Sarah Murai.

"Habislah kita bang! Cuba abang ingat betul-betul, abang tercicir kat mana-mana kot," gumam Siti.

"Cuba abang ingat balik," suara Siti mula kendur. Mati seleranya untuk makan malam di restoran mewah malam itu.

Nordin bungkam, cuba mengimbas kembali rentetan kejadian pagi tadi.

Pagi 25 haribulan.

Setiba di pejabat pagi itu Nordin terus mengadap komputer ribanya, menyiapkan tugas yang diberi oleh Lettenan Azri semalam.

"Uitttt...harimau dah mengaum...." tiba-tiba jarinya terhenti mendengar desir suara Fadil, rakan se'partition'.

"Hah? Ye la...lupa aku..jom," Nordin bingkas sambil mencapai kunci YAMAHA R1 merahnya.

Selesai mengeluarkan semua wang gajinya, Nordin terus mengekor langkah Fadil menuju ke sebuah lokasi yang tidak diketahui.

"Bos, saya ada bawa kawan!" Sapa Fadil sambil bersalaman dengan orang yang dipanggil 'bos' itu. Nordin mengangguk-anggukkan kepala sambil tersenyum sumbing turut bersalam.

"Jangan risau kawan, saya bukan along tapi mau tolong," ujar Ah Chai yang digelar 'bos' oleh Fadil.

Fikiran Nordin yang berkecamuk dengan segala macam masalah terus ringan dan nyaman apabila melihat longgokan duit kertas berwarna ungu di depan mata.

"Ha...ha...ha..! Ini lu punya wang...kasi settle lu punya problem" Ah Chai menepuk-nepuk bahu Nordin, mesra.

"Wahhhh...banyak-banyak terima kasih la Ah Chai," Nordin terkesima.

"Boss..." Fadil berdehem sambil merenung Nordin, tajam.

"A...a...ah...boss!" Nordin tak tentu arah. Namun tangannya rakuas memasukkan kepingan duit yang disua Ah Chai ke dalam sampul Urusan Seri Paduka Baginda yang dibawanya pagi tadi. Dalam hatinya berbunga riang kerana dipertemukan dengan Ah Chai, penyelesai segala masalah.

Nordin bersiul-siul kecil. Fadil turut berjoget-joget sambil melambai-lambai Nordin yang semakin hilang ditelan asap YAMAHA R1.

Nordin masuk ke premis Honda. Selesai membayar Civic Mugen RRnya, Nordin segera ke Courts menjelaskan baki hutang yang tertungggak lebih empat bulan. Hmm...ke mana lagi ni... bisiknya dalam hati sambil menyanyi-nyanyi kecil. Ha! Jarinya terus menekan punut Samsung Note 3 sambil matanya liar memandang sekeliling.

Selaras *stand easy* bersama kawan-kawan, Nordin terus memecut YAMAHA R1nya menuju ke bank. Selesai memindahkan baki wang di tangan, Nordin kembali ke pejabat dengan dada yang lapang. Wah, senang betul hati dia. Semua dah selesai. Kejap lagi nak bayar hutang dalam talian pulak, bisiknya sambil tersenyum.

"Hello sayang, malam ni tak payah masak ye. Kita makan kat luar," Nordin memberi amanat kepada isterinya, Siti sambil membayangkan betapa seronok anak-anaknya yang dua pasang itu berlari-lari di ruang restoran yang serba mewah malam nanti.

Nordin memberhentikan Honda Civic Mugen RR di depan bank sambil mencapai dompet kulitnya.

"Kejap sayang, abang nak draw duit," ujar Nordin sambil mengenyitkan mata kepada isterinya yang berhias sakan.

Siti mengangguk sambil berbalas kenyt.

"Hah?????? Alamakkk...mana pulak kad bank aku ni..." Nordin tersentak sambil menyelongkar dompetnya, gelabah. Peluh jantan mula membasihi t-shirt yang dipakai. Yakin kad yang dicari tiada dalam dompet, Nordin terus meluru ke kereta dan menyelongkar pula di setiap sisi.

Nordin terkedu. Tiba-tiba peristiwa siang tadi berlumba-lumba masuk ke kotak ingatannya. Aduhhhh! Berdenut kepalanya memikirkan apa yang berlaku. Ah Chai!

"Ada tak bang?" Terlompat Nordin dikejutkan oleh Siti yang tiba-tiba menepuk belakangnya.

"Hmmmm...ada," lirih suara Nordin. Bagaimana hendak diceritakan kepada Siti keadaan yang sebenar? Boleh ke Siti terima?

"Syukur Alhamdulillah," Siti tersenyum lega sambil mengurut dada. Perutnya kembali berdendang minta diisi. Kehilangan kad bank Nordin membuatkannya hilang pertimbangan sekejap tadi.

"Jumlah bang, anak-anak dah lapar tu ha," Siti mengembalikan dunia Nordin.

"Oh, kejap," Nordin kembali ke mesin ATM dan mengeluarkan kad yang satu lagi. Nasib baik aku sempat transfer, bisiknya dalam hati. Namun hatinya tetap tidak keruan memikirkan apa alasan yang patut diberi kepada Siti sekiranya dia tau duduk perkara sebenar nanti.

Namun, apa yang dilakukan semata-mata untuk kelangsungan hidup. Parah dia kalau hanya bergantung duit gaji yang tidak seberapa itu. Salahnya juga tidak sedar diri. Hidup bermewah-mewah. Isteri dan anak-anak juga sudah dimandikan dengan kemewahan. Ahhh, peduli apa aku, Nordin berperang dalam diri. Duit aku, bukan mengemis, tagih simpati orang. Lagipun jabatan tempatnya bekerja sudahpun memberi jaminan. Setiap peminjam akan diberi pengampunan, malah akan turut dibantu bagi meringankan beban mereka. Nordin tersenyum kelat. Huh!. Biarlah Ah Chai pegang dulu kad bank aku tu, ada duit terpijak nanti aku tebus balik...gumamnya lagi tanpa menyedari bala yang menunggu di kemudian hari.

## Teknologi Maklumat

# Kenapa Disalah guna?

Oleh: Lt Nurul 'Ain binti Ali TLDM

Perkembangan teknologi maklumat (IT) seperti Internet merupakan satu kelebihan kepada para pengkaji, pelajar dan individu yang cekik IT. Ia memudahkan pencarian maklumat, memudahkan penambahan ilmu, perbincangan sesuatu perkara dan perkongsian ilmu serta maklumat. Teknologi ini kemudiannya dibangunkan dalam bentuk mudah alih seperti *Tab* dan *Smart Phone* yang boleh di bawa ke mana-mana. Maklumat-maklumat ini pula kini boleh dikongsi di antara mereka dengan adanya aplikasi-aplikasi social seperti *Wechat*, *WhatsApp*, *Instagram* dan yang paling banyak digunakan ialah *facebook*. Saban hari setiap orang pasti akan melayari *Facebook* untuk mengetahui perkembangan semasa, cerita hangat, berita terkini atau sebagai *stalker* atau *Silent Reader*.

Di samping itu juga, aplikasi ini turut digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada yang tersayang serta sahabat handai mahupun secara terbuka kepada sesiapa juga. Seringkali kita membaca status yang berbunyi "mesyuarat sedang berlangsung" atau "latihan penembakan di Perairan Mabul" atau "sedihnya, esok kene belayar dua minggu untuk eks Keris". Tanpa kita sedar sebenarnya status-status seperti ini merupakan satu bentuk penyebaran dan kebocoran maklumat yang paling berkesan. Tanpa kita sedari sebenarnya status yang baru sahaja dimuat naik ini digunakan oleh pihak musuh untuk mengemaskini maklumat-maklumat mereka.

Tahukah anda bahawa apabila kita mengiktiraf diri kita di laman sosial sebagai *work with RMN*, secara tidak langsung menyebabkan pihak musuh meletakkan akaun profil anda di dalam pangkalan data mereka. Bayangkan sekiranya 100 warga TLDM turut mengiktiraf diri mereka *work with RMN* di dalam *facebook*, ini bermaksud pihak musuh telah mengenali 100 anggota TLDM. Bayangkan sekiranya 10,000 mahupun 100,000 warga ATM turut melakukan perkara yang sama. Bukankah ini memudahkan kerja pihak musuh mengenali kita tanpa bersusah payah melaksanakan tugas perisikan di Malaysia?


Kemudahan *checking in* yang tersedia di laman sosial yang digunakan untuk memaklumkan kedudukan terkini mereka juga boleh mengundang bahaya. Walaupun kadang kala *checking in* yang dimuat naik adalah ketika bercuti di kampung, namun sedarkan kita sekiranya individu yang memuat naik status itu adalah individu berkepentingan, pihak musuh dapat mengetahui lokasi individu tersebut serta status semasa sama ada individu tersebut berada dalam tugas atau tidak.

Laman sosial ini juga dijadikan sebagai tempat meluahkan rasa marah dan tidak puas hati terhadap pegawai atasan. Mengapa ini berlaku? Zaman dahulu segala arahan diterima dengan baik dan sekiranya terdapat perasaan tidak puas hati, ia diluahkan secara berhadapan. Dengan perkembangan teknologi kini, warga mempunyai peluang untuk melahirkan perasaan tersebut secara terbuka dan ia turut 'didengari' oleh orang lain. Disamping meluahkan secara terbuka, ia turut disertai dengan niat untuk mendapat perhatian orang lain dan menaiki simpati. Tanpa beliau sedar, secara tidak langsung beliau telah dijadikan target oleh pihak musuh. Dengan kenyataan seperti itu, musuh akan membuat kesimpulan bahawa beliau seorang yang tidak patuh arahan dan suka memberontak. Beliau boleh dijadikan musuh dalam selimut kepada pihak atasan dan pasukan pertahanan.

Terdapat juga yang menggunakan laman ini untuk menabur fitnah dan menghasut. Perlakuan seumpama ini akan mengundang sifat berbelah bahagi dan tidak patuh secara terang terangan. Situasi ini menunjukkan pasukan pertahanan kita kurang kerjasama dan mudah dibolosi pada bila-bila masa.

Perkembangan teknologi maklumat ini banyak memberi sumbangan kepada negara dan pasukan pertahanan kita sekiranya ia digunakan dengan berhemah. Namun, sikap segelintir pihak yang menggunakan untuk kepentingan diri sendiri dan tidak sedar bahawa

kelakuannya telah mendedahkan negara kepada ancaman pihak musuh amatlah membimbangkan. Situasi ini mungkin dipandang remeh dengan keadaan negara kita yang bukan dalam situasi tergugat. Namun tahukah kita perancangan musuh? Apakah jaminan kita yang Malaysia ini akan sentiasa disenangi oleh pihak luar? Oleh yang demikian, semua pihak perlu sedar dan mengambil berat terhadap isu ini agar ia tidak menjadi punca utama sistem pertahanan kita dibolosi terus menyebabkan situasi yang tidak sepatutnya daripada berlaku.





# Nilai Teras TLDM Jadi Budaya *the Navy People*

Oleh: Lt Akhrin Azman bin Mohd Amran TLDM

The Navy People amat berbangga dengan adanya nilai teras yang telah dicetuskan dan digariskan oleh YBhg Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar Panglima Tentera Laut. Ideal tersebut telah menjadi penanda aras sokongan kepada Peta Strategi jangka panjang TLDM mulai tahun 2013 sehingga menjelang tahun 2020. Peta Strategi TLDM telah dilancarkan pada 7 Jan 13 bersempena dengan sambutan hari TLDM ke-78. Keempat-empat nilai teras tersebut amatlah sesuai dihayati oleh semua lapisan masyarakat The Navy People serta perlu dijadikan budaya di dalam kehidupan seharian .

Nilai teras yang diuar-uarkan adalah Kemuliaan, Kesetiaan, Keberanian dan Kebanggaan. Kemuliaan bermaksud dapat melaksanakan tugas dan amanah yang telah digalaskan dengan jujur, ikhlas, bertanggungjawab dan profesional demi kebaikan organisasi dan individu The Navy People itu sendiri. Kita juga seharusnya mengamalkan nilai-nilai murni berpandukan kepada kepercayaan agama masing-masing yang tidak mengalakkan kita terjerumus kepada perkara-perkara yang menjadi larangan di dalam perkhidmatan. Melaksanakan tugas yang terbaik dalam

pelbagai situasi susah dan senang. Tugas yang diberikan merupakan amanah yang patut digalas sebaik mungkin agar ia dapat memberikan pencapaian terbaik seperti dikehendaki oleh pucuk pimpinan tertinggi TLDM. Menghormati maruah orang lain demi menjaga kepentingannya juga merupakan satu amanah yang harus diperhalusi dengan sebaik-baiknya. Maruah harus dipertahankan tidak mengira pangkat, agama dan keturunan. Menghindari daripada terjebak kepada sebarang perlakuan yang menjurus kepada jenayah, rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan unsur-unsur negatif yang boleh memudaratkan diri, perkhidmatan, negara dan keluarga. Kemuliaan ini juga mestilah meletakkan kepentingan TLDM melebihi kepentingan peribadi.

Kesetiaan pula adalah nilai teras kedua iaitu menjaga semangat setia kawan kepada rakan sekerja dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada organisasi perkhidmatan serta negara. Seharusnya setiap warga TLDM senantiasa mempertahankan kedaulatan negara dalam apa juar keadaan sehingga ke titisan darah yang terakhir. Memegang teguh amanah yang diberikan



dan tidak berpaling tадah kepada rakan sekerja. Warga juga diingatkan supaya senantiasa menyokong dan mempertahankan keputusan yang telah dibuat bersama. Membudayakan teras ini juga setiap warga dikehendaki setia bersama pada setiap masa tidak mengira sewaktu menghadapi waktu senang maupun susah.

Manakala nilai teras ketiga keberanian. Keberanian bermaksud semangat kepewiraan yang tinggi dan senantiasa berpegang teguh kepada kebenaran serta bertanggungjawab terhadap semua tindakan. Seharusnya setiap warga TLDM memiliki semangat juang yang tinggi untuk mempertahankan kepentingan maruah negara. Pengorbanan ini merupakan pengorbanan tertinggi yang harus dicurahkan setiap warganya kepada perkhidmatan. Sikap bertanggungjawab pula seperti melaporkan setiap aktiviti-aktiviti jenayah, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, atau sebarang perbuatan yang melanggar peraturan, moral dan etika kepada pihak yang berwajib serta senantiasa cuba memperbetulkan perkara yang melanggar etika.

Seterusnya nilai teras yang keempat adalah Kebanggaan. Setiap warga seharusnya berbangga di dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik sebagai anggota TLDM. Ianya boleh dizahirkan melalui gaya dan tindakan. Setiap warga merasa megah apabila menarung pakaian seragam TLDM dan bermegah dengan pangkat dan tanggungjawab yang diberikan. Setiap individu tersebut senantiasa merasakan mereka adalah orang yang berkepentingan di dalam organisasi. Tanpa mereka organisasi tersebut tidak dapat berjalan lancar sepertimana dikehendaki. Mereka juga senantiasa akan menjaga nama baik dan mengharumkan nama TLDM di peringkat negara dan dunia. Senantiasa dapat menyumbangkan idea yang kreatif di dalam memberikan inovasi kepada penambahbaikan organisasi.

Sejauh manakah keempat-empat nilai teras tersebut dijadikan budaya di dalam kehidupan warga TLDM? Sebenarnya keempat-empat nilai teras tersebut telah lama terdidik di dalam kehidupan sehari-hari manusia, sejak dari kecil kedua ibu bapa telah menerapkan keempat-empat elemen penting ini supaya anak-anak mereka akan berjaya menjadi insan yang baik dan boleh diharapkan berbakti untuk nusa, bangsa, agama dan negara.

Nilai teras ini adalah sumber kekuatan moral untuk membentuk sikap gaya dan budaya hidup bagi mendokong misi serta visi TLDM. Nilai teras ini diperlukan sebagai panduan di dalam pembentukan sahsiah diri warga. Panduan ini juga merangkumi pelaksana kerja yang cemerlang dan efisien. Membudayakan nilai teras ini juga TLDM membolehkan *the Navy People* akan bekerja dengan betul dan teratur. Ianya juga bagi memastikan tentang beberapa perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan di dalam organisasi TLDM. Nilai teras ini juga adalah pendokong kepada cogankata sedia berkorban. Selain dari itu nilai teras ini akan menjadi penyumbang kepada peningkatan prestasi dan pencapaian. Nilai teras ini boleh digunakan dan diamalkan di dalam kehidupan seharian pada setiap masa dan ketika.

Nilai teras tersebut boleh diterapkan melalui pengajaran dan pembelajaran setiap hari di Pusat-pusat pengajian TLDM seperti di KD SULTAN IDRIS I, KD PELENDOK dan KDSI. Setiap jurulatih yang ditugaskan mengajar pelatih-pelatihnya memberikan sedikit ruang waktu 5 hingga 10 minit sehari sebelum memulakan kuliah. Nilai teras ini perlu diterangkan kepada semua pelatih setiap hari dan senantiasa diulang-ulang supaya nilai teras tersebut senantiasa tersemat di dalam hati dan sanubari warganya.





# Pick-Up, PDCA and Managing Workforce

By: Lt Muhd Afiq Izzuan bin Ahmad Fauzi RMN

## Introduction

We hate every time we got Pick-Up by our seniors. We thought that we have done well so far till we got Pick-Up and probably thought that the Pick-Up person was so demanded. We do not realize that picking up is actually a part of the managing processes. Its intention is to put things in order, check and ensuring right things done. As a young officer in RMN, we are not master in management process and we do not understand it academically. What we should thanks, we were trained by our seniors to Pick-Up in old training days. Do Pick-Up will train us to be a good leader by having a sense of concern and attention to details. Indirectly, it would develop our command skill.

## Dilemma

Those officers who always do Pick-Up were seen as a bad officer by those got Picked-Up. In an organization especially in our service, Picking-Up person will be seen as not friendly and fussy. In worst case scenario, they will get targeted. Silently they are sabotaged in odd ways. Their car gets scratched and dented everywhere. Very sad if it happened to those who has experienced it. I would say that, if it happened when we must check our approach in whole process of managing our men.

### Idea

I am not to teach anybody on how to do better but I must share my two cents idea of Pick-Up which commonly forgotten or left behind by our young officer nowadays. Getting right things done also does not mean work or process will be done right way. You might start the managing process by coaching and advising. To do so, we must be equipped with knowledge's and knowledge is very powerful tool. Let change the Pick-Up idea into coaching and advising.

## Plan

Planning is very important in managing men and workforce. Planning will direct the force into focusing on the objectives and outcomes. This orientation will get the workforce aware of their role and responsibilities. Most of good job done with a good planning and most job without planning will complicate the managing process. I would start with a very simple weekly and monthly activities list in department. Activities were been put in place by our seniors in old days encompassing the exercise, training and routine maintenance. Most of the time, I would ask my senior hands in my department to submit their plan and I will coach it later when it was approved by my Head of Department. Senior hands in departments must be given maximum role play as to make them realize their responsibilities. We fail to maximize our senior hands participation when we fail to direct and lead them correct way. They would not feel guilty by not taking responsibility because they thought that we has the overall control in the process. Let give them some part to control...!

## Do (Execution)

Execution is the process of carrying out of our plan. Along the process, the plan must be carried out in accordance with guidelines and SOPs in order to achieve certain standard set up. Senior hands and leading hands has big responsibilities in this process. It cover the forecasting of workload and required staff, integration of men into the scheduling process, management of working times and monitoring of the entire process. I would not intervene so much in the process but I knew that my men love to see me around during this process. I would spent time to be around as much as I could to render silent motivation to my men. I would like to call leading hands to brief me as to make him feel as in-charge person. A little advice and coaching I performed in this process would enhance the confident of my men. You may want to try it yourself to find out the benefits organization gain by doing so. Situation will be different if the job were issued or directed as a result of Pick-Up. I will explain in next topic on how Pick-Up will be accepted by my men.

## Check

Many do not realize that making rounds is the part in this process. Routine round is to ensure the safety and security. I have learned that round schedule at completion of job and activity was more appreciated by men and staffs compare to unschedule round. They accept Pick-Up at this time as an idea for improvement in future task. Sometimes praise as reward to well done job will be more meaningful in inspiring them to perform better in next task and activities. Senior and leading hands conduct a cross check prior to completion of job will increase job quality.

## Action

I would like to assimilate this phase into close finding of gaps and corrective actions to my plan. I do adopt minor changes and abandon some in process. Gaps include knowledge gap, time constraint, flaws in execution, action for improvement, change and amendment in process, reporting to higher echelon, issues to raise in HOD meeting and so on so forth. Knowledge gaps will be handled with more training and info sharing. I made a lot of decision in this phase, never shy to ask for advice even your peers. In case of a complaint being filed, it has to be incorporated into the planning phase, and action taken for the next round of efforts. All matters brought up by my men will be analyzed for solution, seeking guidance from my HOD at this point will be more appreciated by him as I move this far.

## Conclusion

As for conclusion, simple understanding of PDCA process will help every one of us in managing workforce. From Pick-Up in old training days, I manage to convert it into modern ways through coaching and training. What make my beliefs true are not the logic but the results and outcomes of my plan. My next challenge is to ask my senior and leading hands in department to apply the process in order to improve their level of works.



## Kempen Derma Darah Demimu GAZA

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MktL



Kuala Lumpur – Program Kempen Derma Darah 'Demimu GAZA' telah berlangsung dengan jayanya di Foyer Wisma Pertahanan, di sini 20 Ogos lalu.

Program ini merupakan sebahagian sumbangan yang disalurkan sebagai sokongan bantuan kemanusiaan kepada Penduduk Palestin. Kempen derma darah ini melibatkan penyertaan seramai 320 orang warga Kementerian Pertahanan termasuk 120 orang pelatih dan Staf dari Kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) Millennium, Beranang Selangor dan 200 orang anggota tentera serta kakitangan awam Kementerian Pertahanan.

Program yang dikendalikan oleh Pusat Darah Negara ini turut disertakan dengan Mini Pameran GAZA, Palestin oleh wakil Pertubuhan Aman Palestin sebagai usaha menggalakkan sumbangan di kalangan warga Kementerian Pertahanan.

Menyertai program ini, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein turut hadir tanda sokongan terhadap kempen yang dilaksanakan. Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Dr. Haji Ismail Haji Ahmad; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin; Panglima-Panglima Perkhidmatan serta pegawai-pegawai kanan awam dan tentera Kementerian Pertahanan.

Dalam pada itu, program sama turut diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 17 Ogos lalu yang turut melibatkan kira-kira 30 anggota dari ketiga-tiga cabang khidmat darat, laut dan udara.

## Derma Darah NBOS

Oleh: Perhubungan Awam MAWILLA 1

Program Derma Darah NBOS 2014 dengan kerjasama di antara ATM, PDRM dan Hospital Ampuan Afzan (HTAA) telah diadakan pada 26 Ogos 2014 bertempat di Dewan Auditorium Al-Haimi, Pangkalan TLD M Tg. Gelang.

Program dilaksanakan bertujuan membantu pengumpulan darah di HTAA yang semakin berkurangan. Acara perasmian telah disempurnakan secara bersama oleh Ketua Staf MAWILLA 1, KEPT Mohd Izzudin Ahmad TLD M, Senior Assistant Commisioner Police Dato' Zakaria Ahmad, Lt Kol Jamaluddin Alias, Ketua Staf Tadbir Markas 4 Briged(MEK), Lt Kol Shamsuddin Mahadi, Ketua Cawangan Operasi Pangkalan Udara TUDM Kuantan dan Dr Hajah Azura Hj Omar, wakil dari HTAA.

Program berjaya mencapai sasaran iaitu seramai 112 penderma terdiri daripada 73 orang dari TLD M, TDM 13, TUDM 18, Polis 7 dan awam seorang. Kesemua penderma termasuk VIP kemudiannya turut berpeluang melawat ke kapal-kapal TLD M yang berada di Tambatan Pangkalan Kuantan.



# KD MUTIARA Laksana Misi SAR MH370 di Selatan Lautan Hindi

Oleh: Lt Kdr Noorlida binti Rahaman TLDM



Lumut - Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Mohamad Roslan Mohamad Ramli telah menyempurnakan Majlis Pelepasan Kapal Diraja (KD) MUTIARA ke Selatan Lautan Hindi di Jeti Operasi Pangkalan TLDM Lumut pada 4 Ogos lalu bagi menyertai BUNGA MAS ENAM (BM 6) dan aset-aset daripada negara China dan Australia yang masih meneruskan misi mencari pesawat MH370 di perairan tersebut.

KD MUTIARA diketuai Pegawai Memerintah, Komander Kamarul Fahmy Kamaruddin TLDM dan dianggotai 17 orang pegawai serta 119 orang anggota Lain-lain Pangkat. Turut serta dalam pelayaran ini ialah seorang Pegawai Perubatan daripada Kor Perubatan Angkatan Tentera dan Pegawai Agama daripada Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT).

TLDM sebelum ini telah menugaskan KD LEKIU ke Selatan Lautan Hindi untuk operasi mencari MH370 bermula dari 19 Mac sehingga 21 Mei 2014. Sementara kapal Auxilirry TLDM BUNGA MAS 6 telah diatur gerak untuk misi sama pada 16 April 2014 dan sehingga kini masih beroperasi di sana.

Penugasan aset-aset TLDM sebelum ini termasuk KD LEKIU, BUNGA MAS 6 dan kini KD MUTIARA untuk misi mencari dan mengesan pesawat MH370 di Selatan Lautan Hindi membuktikan komitmen yang tidak pernah pudar daripada kerajaan Malaysia khususnya TLDM sendiri dalam usaha membantu mengesan kehilangan pesawat MH370.

# Jenazah Mangsa Nahas MH17 Disambut Istiadat Ketenteraan

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MkTL Foto: PR MkTL

KUALA LUMPUR - Satu demi satu keranda yang menempatkan jenazah dan kendi berisi abu mayat mangsa nahas MH17 dibawa turun dari pesawat mengundang suasana pilu orang ramai yang membanjiri pekarangan Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini yang disambut penuh istiadat ketenteraan. Serentak itu, pengumuman disiar secara langsung melalui radio, televisyen juga media sosial agar rakyat Malaysia di seluruh negara bertafakur memberi penghormatan terakhir buat mangsa.

Kumpulan pertama melibatkan 20 jenazah penumpang dan anak kapal telah tiba pada 22 Ogos lalu, diikuti dua jenazah pada 9 September manakala empat jenazah lagi telah tiba pada 11 September.

Jalur Gemilang di seluruh negara telah dikibarkan separuh tiang bagi mengenang semua 298 penumpang dan anak kapal, khususnya 43 anak watan, yang menaiki pesawat malang yang terhempas selepas ditembak jatuh di timur Ukraine pada 17 Julai.



# Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Dan Menangani Gejala Sosial Warga TLDM Peringkat Lembah Klang

Oleh: Cawangan Publikasi Mk TL



**KUALA LUMPUR** - Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan raya dan Menangani Gejala Sosial Warga TLDM peringkat Lembah Klang yang diadakan di KD SRI GOMBAK, Jalan Padang Tembak pada 26 dan 27 Jun lalu mendapat sambutan amat memberangsangkan.

Kempen julung kali diadakan ini merupakan satu inisiatif bagi membanteras kegiatan-kegiatan negatif yang melibatkan warga *Navy People* di samping mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang semakin meningkat akhir-akhir ini.

Untuk lebih memberi impak, penganjuran kempen turut melibatkan agensi-agensi luar seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR). Selain pameran oleh agensi-agensi terbabit, kempen turut diisi dengan program ceramah yang menyentuh aspek-aspek keselamatan semasa berada di jalan raya dan juga persiapan sebelum memulakan perjalanan serta penerangan mengenai akta-akta dan kesalahan-kesalahan berkaitan jenayah moral syariah serta operasi-operasi yang dikendalikan oleh pihak JAWI Kuala Lumpur. Lebih menarik, warga TLDM turut didedahkan dengan kes-kes jenayah, tadbir urus dan keutuhan serta tindakan tatatertib yang diambil oleh pihak SPRM terhadap pesalah.

Kempen yang berlangsung selama dua hari itu dilancarkan dengan rasminya oleh Asisten Ketua Staf Kejuruteraan, YBhg Laksamana Muda Dato'Hj Khairuddin Hj Khalid dan turut dihadiri pegawai-pegawai kanan TLDM serta warga *Navy People* sekitar Lembah Klang.

# Lawatan Kerja YB MENHAN Ke Pulau Langkawi

Oleh: PR MWL 3

**L**ANGKAWI – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, telah mengadakan lawatan kerja ke Pulau Langkawi serta menyempurnakan Program Ramah Mesra Syawal dan Kempen Derma Darah Bantuan Kemanusiaan Gaza pada 15 Ogos lalu.

YB MENHAN sebelum itu bersama warga Pangkalan TLDM Langkawi telah bersama-sama menuaikan solat Jumaat di Surau Al – Aziz Pangkalan TLDM Langkawi. Sejurus selesai, warga Pangkalan TLDM Langkawi telah berpeluang mendengar ucapan ringkas oleh YB MENHAN. Dalam ucapan beliau, MENHAN telah menyuntik kata-kata semangat kepada warga Pangkalan TLDM Langkawi untuk terus menjalankan tugas yang diamanahkan sebagai seorang anggota tentera yang menjadi benteng pertahanan negara. Beliau turut melahirkan rasa bangga kerana dapat bersama-sama menuaikan solat Jumaat dan beramah mesra bersama warga Pangkalan TLDM Langkawi.

Dalam rangka lawatan kerja beliau juga, satu Program Ramah Mesra Syawal bersama penduduk Langkawi dan Kempen Derma Darah Bantuan Kemanusiaan Gaza telah dilaksanakan di Dewan Pameran LIMA (MIEC). Warga TLDM Langkawi telah berpeluang untuk terlibat sama dalam program tersebut yang turut melibatkan agensi-agensi kerajaan dan swasta di Pulau Langkawi serta penduduk sekitar Pulau Langkawi.



# MAWILLA 1 Raikan Panglima Armada

Oleh: PR MAWILLA 1



Tanjung Gelang - Perbarisan Istiadat Perpisahan Panglima Armada, Laksamana Madya Dato' Abd Hadi A. Rashid telah diadakan pada 12 Jun 2014 melibatkan sebanyak lapan platun terdiri daripada pegawai dan anggota dari unit-unit di bawah naungan Markas Wilayah Laut 1 MAWILLA 1.

Dalam pada itu, majlis ramah mesra bersama warga MAWILLA 1 turut diadakan bertempat di Dewan Al-Haimi. Majlis yang turut dihadiri oleh Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Dato' Azhari Abdul Rashid dimulakan dengan nyanyian lagu dan tayangan video detik-detik kenangan semasa Panglima Armada di MAWILLA 1.

Dalam majlis tersebut, Panglima Armada sempat menyampaikan nasihat dan kata-kata semangat kepada the Navy People agar terus memberikan perkhidmatan dan komitmen yang tinggi kepada TLDM.



## Dekatkan TLDM, Masyarakat - DPBL Anjur Program Jiwa Murni

Oleh: Lt Kdr Megat Hazlan bin Megat Hashim TLDM

PUSING, Perak - Depot Peluru dan Bahan Letupan (DPBL) TLDM telah menganjurkan program jiwa murni dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertempat di Taman Herba Papan, Pusing, Perak pada 26 dan 27 Jun 14.

Program yang diketuai Pegawai Memerintah DPBL TLDM, Kdr Hj Jailani Adnan TLDM turut disertai 60 anggota termasuk kakitangan awam.

Aktiviti dimulakan dengan pembersihan kawasan sungai di Taman Herba Papan daripada sampah-sampah, kayukayu reput serta daun-daun kering bagi melancarkan aliran air. Selain itu, kawasan sekeliling sungai juga telah diberesihkan dan ditambah baik termasuk jambatan yang usang. Sampah sarap seperti plastik, botol kosong dan daun-daun kering di tebing sungai juga turut diberesihkan.

Selain dapat mendekatkan TLDM dengan masyarakat awam, program ini juga dilihat mampu mengeratkan kerjasama anggota dengan agensi luar seperti Jabatan Perhutanan di samping secara tidak langsung ia dapat memberi kesedaran tentang kepentingan penjagaan alam semulajadi dan pengetahuan terhadap peranan manusia dalam menjaga ekosistem hutan.



## Perkasa Sistem Pertahanan Perairan – TLDM Jadi Benchmarking

Oleh: Perhubungan Awam Markas Pangkalan Lumut



Lumut – TLDM dijadikan sebagai panduan ataupun ‘Benchmarking’ bagi memperkasakan sistem pertahanan perairan negara sewaktu lawatan Defence Service Command and Staff College Sri Lanka ke Pangkalan TLDM Lumut pada 20 Ogos lalu.

Lawatan delegasi yang diketuai Colonel W.G.D Wanniarachchi psc membuktikan polisi ataupun doktrin TLDM dalam mempertahankan kedaulatan dan kepentingan maritim negara adalah selaras dengan keperluan keselamatan semasa. Agenda ini berjaya dibentuk melalui kerjasama strategik dua hala dan perbincangan isu-isu serantau mahupun antarabangsa, sosial serta ekonomi dengan memfokuskan kestabilan keselamatan demi kepentingan bersama pada masa akan datang.

Ketibaan delegasi yang disambut Panglima Selam dan Periuk Api, YBhg Laksma Dato' Pahlawan Sulaiman Mohamad turut dibawa melawat ke sekitar Pangkalan TLDM Lumut. Antara tempat yang dilawati adalah Markas Selam dan Peperangan Periuk Api, Galeri Panglima Tentera Laut (PTL) KD PELANDOK dan Bousted Naval Shipyard Sdn. Bhd. Sepanjang lawatan ini, delegasi telah diberikan taklimat meliputi aspek sejarah, pengoperasian, perkhidmatan, kemudahan serta pencapaian cemerlang.



## 400 the Navy People Sertai Perarakan Hari Kemerdekaan Ke-57

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi Mktl Foto: PR Mktl

Kuala Lumpur - Seramai 400 orang terdiri daripada pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) terlibat dalam perarakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-57 yang berlangsung meriah dan penuh berwarna-warni di Dataran Merdeka pada 31 Ogos lalu.

Kontjen TLDM yang memperagakan pakaian pelbagai kepakaran diketuai Komander Hazmi Husain TLDM diiringi Pasukan Pancaragam Pusat TLDM seramai 60 anggota.

Menariknya, TLDM turut mencuri tumpuan orang ramai dengan penampilan menarik dan penuh variasi oleh Pasukan Kawad Senyap seramai 64 anggota yang dipimpin oleh Laskar Kanan PAP Nik Norazmal Nik Mohd Zin.



# 972 Sertai Perbarisan Hari Pahlawan

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MkTL Foto: PR Mk TL



Kuala Lumpur – Seramai 972 terdiri daripada pegawai dan anggota pasukan ATM, PDRM, Persatuan Veteran ATM dan Persatuan Bekas Polis Malaysia menyertai Perbarisan Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2014 bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, di sini 18 Julai lalu.

TLDL yang diwakili 63 pegawai dan anggota turut menjayakan upacara penuh istiadat yang dihadiri Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Berbeza sambutan tahun sebelumnya, acara kali ini turut mempertontonkan laporan semula peristiwa pencerobohan di Lahad Datu, Sabah Februari tahun lalu bagi memberi gambaran sebenar kepada umum tragedi berdarah yang mengorbankan anggota pasukan pertahanan dan mengancam keselamatan negara.

Di samping itu, penonton juga berpeluang menyaksikan perbarisan statik oleh pasukan keselamatan, deklamasi sajak dan pertunjukan aset-aset pertahanan negara.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin; Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein; Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin serta Panglima-panglima Perkhidmatan dan pegawai-pegawai kanan tentera Kementerian Pertahanan.

# Perarakan Panji-Panji Agong

Oleh: Cawangan Pengurusan Publikasi MkTL Foto: PR Mk TL

Kuala Lumpur - Upacara Perbarisan Mengarak Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah berlangsung penuh istiadat di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, di sini pada 13 Jun 14.

Istiadat dilaksanakan sempena sambutan Ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Baginda turut mencemar duli hadir bersama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah menyaksikan upacara yang penuh signifikan ini.

Perbarisan yang dilaksanakan merupakan satu upacara istiadat gilang-gemilang kepada Angkatan Tentera Malaysia kerana panji-panji merupakan satu penghormatan dan lambang kemegahan, semangat dan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi terhadap Raja dan negara.

Dalam upacara tersebut, lima Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah diarak iaitu Panji-Panji Rejimen Askar Melayu DiRaja, Rejimen Renjer DiRaja, Kor Armor DiRaja, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia.

Turut hadir, Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak; Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin; Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein; Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin serta Panglima-panglima Perkhidmatan dan pegawai-pegawai kanan tentera Kementerian Pertahanan.



# *Sajak*

## *Tugu Perjuangan*

Setengah abad berlalu sudah  
Perjuangan menobatkan maruah bangsa

Di tanah pusaka ini

Yang dibasahi darah dan air mata  
Kadang-kadang terbuka kebenaran  
Mencabar ketuanan  
Dan dihantui mimpi-mimpi ngeri

Namun wira-wira bangsa  
Mara terus-terusan  
Perteguh impian  
Menjana wawasan  
Menjunjung pendaulatan  
Harga sebuah negara yang tercinta

Mereka menggapai segunung harapan  
Memegang teguh makna ketuanan  
Atas nama perjuangan  
Menggegar dunia dan menghancurkan  
petualang

Kini, atas nama perjuangan  
Mari kita bersama mengawal  
Pusaka bangsa ini  
Agar tidak ditalkinkan tanpa kubur  
Disemadikan tanpa jasad  
Ditikam tanpa keris  
Berpaut tanpa luka

Ini tugu perjuangan kita  
Bersatu tekad berganda semangat  
Dan melangkah sederap  
Tidak biarkan maruah bangsa tercalar  
Kerana penodaan ialah dosa perjuangan  
Yang tidak terkubur  
Di pinggiran zaman.

*Nukilan*  
*BK TNL Massuhaila Dawami*

## *Pusaka Bangsa*

Pusaka ini pegangan sepanjang zaman  
Dilahirkan dengan suci dan harapan  
Bagai bayi yang keluar daripada  
kandungan

Diberikan nafas untuk melihat dunia  
Bukan tangisan, tapi suara keberanian  
Memacakkan tugu kemenangan  
Sebuah bangsa bermaruah  
Di bumi berdaulat dan bermartabat

Bangunan megah bertingkat-tingkat di kota  
Bukan perhiasan atau pujian cuma  
Kerana mendiami bangunan itu  
Adalah amanah tiada terhingga  
Agar pusaka bangsa tidak musnah  
Ditelan zaman dan disumpah generasi

Selagi nadi ini berdenyut  
Usah berani meruntuh pusakaku  
Sekali ditelan, kudendam biar kiamat  
datang.

Mengapa kita terus berdiri  
Menggamit simpati dan menunggu janji  
Bersatulah  
Kita nyalakan sumbu laungan keramat  
Melestarikan kedaulatan abadi  
Mengotakan janji  
Melestarikan kedaulatan abadi.

*Nukilan*  
*BK TNL Massuhaila Dawami*